# Pelita Brunei

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 24 BILANGAN 45 — RABU 7HB NOBEMBER, 1979. — رابو 16 ذوالحجة 1399 — PERCHUMA


## PENUNTUT2 YANG MENERIMA AKIBAT-NYA

### —Pengarah Pelajaran

BANDAR SERI BEGAWAN. — Guru2 di-Sekolah Pusat Latehan Teknikal di-ingatkan supaya lebeh menumpukan minat dalam melaksanakan amanah yang di-pikulkan di-bahu mereka.

Ada-lah mustahak bagi mereka, terutama-nya guru2 yang di-datangkan dari luar untok mempelajari dan memahami tentang apa yang di-ingini dan apa yang tidak di-ingini oleh negara ini.



Dato Haji Ahmad

Mereka di-ingatkan supaya sa-kali2 jangan melakukan mana2 yang tidak sa-chuchok dengan alam Brunei dan jika mereka maseh belum faham akan alam Brunei itu ada-lah lebeh baik mereka meninggalkan apa yang mereka akan lakukan itu, kechuali yang sa-chuchok dan dapat di-terima oleh masharakat Brunei.

Demikian Pengarah Pelajaran, Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat memberi ingatan itu ketika merasmikan Hari Pelajar di-Sekolah Pusat Latehan Teknikal di-Jalan Muara baru2 ini.

Beliau menekankan, sa-bagai orang2 yang di-perchayai dalam membekalkan pengetahuan2 kapada penuntut2 mereka maka ada-lah satu perkara yang mengechewakan jika mereka mengabaikan tugas2 mereka itu.

Kata-nya, kesan burok yang mungkin di-terima oleh penuntut2 itu sama ada yang bersangkutan dengan pengajian mahu pun pembawaan atau keolahan penuntut sa-bahagian-nya ada-lah merupakan akibat kelalaian guru2 itu.

Pengarah itu menyatakan dukachita-nya tentang ada-nya sa-tengah2 penuntut yang malas, dan keadaan ini di-tambah lagi dengan ada-nya guru2 yang terlalu lama mengambil masa rehat dan keluar meninggal-

Lihat muka 16



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei Sir Muda Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah telah berangkat untok menunaikan sembahyang Hari Raya Haji bersama2 raayat baginda di-Masjid Omar Ali Saifuddin di-Bandar Seri Begawan pada hari Khamis yang lalu.

Turut berangkat menunaikan sembahyang pada hari itu ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohammad Bolkiah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Jefri Bolkiah.

Sembahyang Hari Raya Haji telah di-adakan di-semua masjid di-seluroh negeri dan telah di-sambut sa-chara sederhana oleh umat Islam di-negeri ini.

Gambar atas kelihatan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei ketika di-ziarahi oleh umat Islam satelah selesai upachara sembahyang Hari Raya Haji.

## Istiadat2 Mengagai dan Membuka Gendang Jaga2

BANDAR SERI BEGAWAN. — Istiadat2 Mengagai dan mengadap untok menyembahkan Pengorniaan Gelaran dan Membuka Gendang Jaga-Jaga telah di-langsongkan di-Lapau di-sini pada hari Sabtu dan Isnin yang lalu.

Istiadat2 tersebut ada-lah sa-bagai persiapan bagi Istiadat Mengarak Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Jefri Bolkiah menjadi Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Digadong Sahibul Mal yang akan berlangsong pada petang ini.

Istiadat Mengarak Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pg Muda Haji Sufri Bolkiah menjadi Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pg Bendahara Seri Maharaja Permai Suara akan berlangsong pada hari Khamis 8hb Nobember.

Istiadat Menetapkan Tarikh dan Membuka Gendang Jaga-Jaga itu telah di-langsongkan di-hadapan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohammad Bolkiah.

Hadhir di-Istiadat2 tersebut termasok-lah Yang Teramat Mulia Seri Paduka Pengiran Pemancha Sahibol Rae Wal-Mashuarah, Pengiran Muda Haji Mohammad Alam; pembesar2 negara dan pegawai2 kanan kerajaan.

Istiadat2 Membuka Gendang Jaga-Jaga telah di-langsongkan di-Istana Darul Hana bagi kedua2 Istiadat tersebut.

## Istiadat mengangkat sumpah

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei Sir Muda Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah telah berkenan melantek Lord Presiden Dato Setia Sir Geoffery Briggs selaku Yang Dipertua Mahkamah Rayuan Brunei.

Dato Setia Sir Geoffery Briggs yang tiba dari Hongkong pada hari Ahad lalu, telah mengangkat sumpah di-hadapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam satu Istiadat yang berlangsong di-Istana Darul Hana pada hari Isnin lalu.

Semasa di-Brunei Dato Sir Geoffery akan mengendalikan perbicharaan di-Mahkamah Rayuan yang telah bermula petang semalam.

Di-Istiadat yang sama Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga telah berkenan melantek dua orang hakim yang mengiringi Dato Sir Geoffery, ia-itu Tuan Hakim Ti-Liang Yang di-lantek sa-bagai Pesurohjaya Mahkamah Tinggi Brunei dan Tuan Hakim Derek Cons di-lantek sa-bagai Pesurohjaya Mahkamah Besar dalam tempoh masa tiga tahun.

Hadhir di-Upachara Mengangkat Sumpah itu ia-lah Tuan Yang Terutama Pesurohjaya Tinggi British di-Brunei, Awg Arthur Watson, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Jefri Bolkiah; Penasehat Umom Kebawah Duli Yang Maha Mulia, YTB Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Isa; Menteri Besar, YAM Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Abdul Momin; Setia Usaha Kerajaan, YB Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz serta Pegawai2 kanan dari Jabatan Undang2 dan kehakiman.

### Manis-nya Iman

"SA-TIAP persaudaraan yang bukan dalam lengkongan ugama Allah pasti akan putus dan menjadi permusohan."

— HADITH Nabi riwayat Ad-Dilmi daripada Ibnu 'Abbas.

## Perbahasan sa-bagai latehan berfikir sa-chara mendalam

JALAN MUARA — Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Awang Mahmud bin Haji Bakyr menyatakan amalan berunding sa-belum mengambil sa-suatu keputusan di-kalangan kita orang2 Melayu Brunei ada-lah merupakan satu bentok perbahasan.

Ini kata-nya, ada-lah merupakan perbahasan yang tidak rasmi kerana orang2 yang di-bawa berunding itu biasa-nya hanya berfungsi untok meluahkan pendapat manakala keputusan dari-nya terserah kapada orang yang membawa masaalah untok menentukan.

Beruchap ketika merasmikan peraduan bahas peringkat akhir sekolah2 menengah atas dan maktab2 kali kesembilan Awg Mahmud menambah, bahawa perbahasan sa-bagai jalan untok menghuraikan sasuatu masaalah dalam hidup kita memang terdapat di-mana2 dengan bentok dan keadaan-nya yang berlainan.

Saperti perbahasan rasmi jelas Awg Mahmud, yang terdapat dalam parlimen atau majlis2 mashuarat biasa-nya bertujuan untok mendapat kata sa-pakat atau pendapat ramai manakala yang tidak rasmi ianya chuma bersifat bertukar-tukar fikiran atau pendapat.

Lihat muka 16

## Awasi penchuri barang2 kereta

BANDAR SERI BEGAWAN. — Beberapa kejadian penchurian ka-atas barang2 tambahan kereta saperti radio dan 'cassette player' telah berlaku di-negeri ini dan barang2 itu telah di-churi dengan memechahkan chermin2 kereta.

Berikutan dari kejadian2 itu, pehak Pulis sekali lagi menasehatkan pemilek2 kereta supaya meletakkan kereta mereka di-tempat2 yang terang, mengunchi pintu dan menaikan chermin kereta mereka dan lebeh elok jika mereka menchatetkan nombor2 'cassette player' atau radio bagi faedah mereka.

Pelita Brunei
AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI
DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

7HB NOBEMBER, 1979

بسم الله الرحمن الرحيم

# HARI PELAJAR, HARI PENOH ERTI

SA-HINGGA akhir bulan Disember depan, sambutan Hari Ibu Bapa, Hari Terbuka, Hari Pelajar atau Hari Dokumantasi Pendidekan maseh terngiang-ngiang di-telinga kita para ibubapa. Kerana hari tersebut merupakan hari yang penoh erti kapada kita para ibubapa dan juga penjaga kanak2 yang bukan sahaja untok mengetahui keadaan pelajaran anak2 sa-waktu bersekolah, bahkan yang lebeh penting ia-lah ada-nya kerjasama di-antara para ibubapa dengan para pendidek (guru2) pada mengawasi anak2 sa-waktu berada di-sekolah dan di-luar sekolah.

Tidak-lah dapat di-ragukan bahawa masa anak2 itu berada di-rumah lebeh panjang jika di-bandingkan dengan masa anak2 itu berada di-bangku sekolah — jadi-nya, pengawasan para ibubapa terhadap anak2 mereka mengambil peranan penting untok memata-matai baik dari segi keolahan, tingkah laku dan lebeh2 lagi pelajaran.

Di-Hari Pelajar, para ibubapa sering di-tunjokkan dengan beberapa achara termasok kerajinan tangan anak2, uchapan2 dari Pengetua atau Guru Besar atau wakil Jabatan Pelajaran, wakil ibubapa, pertunjokan mengajar dan seumpama-nya. Yang paling menarek di-antara beberapa achara itu ia-lah dailog dengan para guru berkisar di-sekitar pendidekan anak2, keperluan2, chara2 mengatasi kelemahan yang terdapat yang perlu di-baiki dan lain2 lagi. Dan bagaimana pun, bukan-lah di-hari2 tersebut sahaja para ibubapa di-galakkan berkunjong ka-sekolah2 atau maktab2 tetapi pada bila2 masa juga para ibubapa atau penjaga anak2 boleh melawat atau berjumpa dengan guru2 bagi mengatasi sesuatu kesulitan anak2 yang perlu di-usai atau perlu di-perbaiki demi kemajuan sekolah dan anak2.

# MENEMUI KEPERLUAN SETEMPAT

PERTUNJOKAN Pertanian di-Pekan Bangar, Temburong, yang baru lalu itu memberikan ilham kapada kita kembali kapada sejarah bahawa Daerah Temburong ada-lah merupakan daerah yang kaya dalam sumber pertanian pada tahun2 dua dan tiga pulohan. Kerana di-daerah itu terdapat beberapa buah ladang getah yang merupakan sumber pendapatan. Jika sekira-nya perusahaan ladang2 getah itu tidak lagi menguntongkan di-sebabkan sesuatu hal yang tidak dapat di-elakkan, maka para petani kita di-daerah itu patut-lah mengalehkan pandangan mereka untok menghasilkan atau menentukan jenis tanaman atau ternakan yang sesuai di-usahakan oleh petani masing2 menurut keadaan untok menemui keperluan2 setempat; sesuai dengan kehendak serta bantuan dan kemudahan2 yang telah di-sediakan oleh Kerajaan.

Usaha Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam menyalorkan bantuan kapada kaum tani di-negeri ini telah menjadi satu sistem untok meninggikan lagi kemajuan di-bidang pertanian. Dan langkah Kerajaan Baginda Sultan untok membantu para petani (raayat) dalam mencheborkan diri di-bidang pertanian melalui Jabatan Pertanian itu, terus di-laksanakan bagi menimbulkan lebeh banyak lagi kaum tani dan pengusaha di-kalangan kaum bumiputera Brunei sa-bagai salah satu persediaan dalam tempoh masa yang lebeh menchabar.

Untok menyokong hasrat itu, Kerajaan juga telah membuat segala usaha untok membantu raayat yang benar2 mahu berusaha dalam bidang pertanian termasok memberikan tunjok ajar kapada petani2, menyediakan kemudahan2, memberi beneh2, musoh2 tanaman, baja2 dan seumpama-nya. Dan ada-lah sesuai dengan kehendak serta bantuan dan kemudahan2 yang di-sediakan oleh Kerajaan itu ada-lah tidak mustahil untok para petani kita berusaha dalam bidang pertanian di-zaman sekarang ini apatah lagi di-mana berbagai perkembangan sain dan teknoloji dapat membantu para petani ka-arah permodenan sektor pertanian dengan lebeh chepat dan mudah.

# PADA HEMAT SAYA....

"...... saya tidak fikir orang2 kita perlu di-beritahu saperti kesah yang pernah di-ristakan di-zaman kita, ia-itu khabar-nya ada orang yang sampai di-ajar oleh bos-nya apabila hendak masok bilek pejabat terlebeh dahulu mengetok pintu dan kemudian menguchapkan good morning."

# ASSALAMU 'ALAIKUM

HELLO ... assalamu ...!" belum sempat saya menyudahkan, suara di-hujong talipon merdu kedengaran menyahut menguchapkan selamat pagi dan menyebutkan nama jabatan-nya.

Saya sebenar-nya menalipon ka-jabatan itu menerusi operator-nya. Saya beranggapan ia-nya 'orang kita' lalu saya rengan mulut dan murah hati memberi salam. 'Kan hal-nya, kerana sudah terbiasa mengangkat gangang talipon terus menyahut sedemikian itu ia pun saperti tidak menjangka akan mendengar uchapan salam dari orang2 yang minta sambongkan.

"Assalamu 'alaikum," saya mengulang.

"Eee...ee... mualaikum salam." Sahut-nya saperti tergamam, dan saya tidak merasakan kemerduan suara-nya ketika menyebut lafaz itu. Terang sa-kali sebutan-nya tidak faseh malah salah!

Saya tidak-lah berhajat mengusek-nya dengan bertanya mengapa ia gamam dan suara-nya tiba2 berubah. Mungkin itu akan jadi hal pula. Lalu saya terus minta sambongkan kapada pegawai yang saya mahu hubongi di-jabatan-nya itu.

Sa-bentar kemudian pegawai tersebut bersuara: "Hello ......" Saya kenal baik suara-nya.

"Assalamu 'alaikum," saya memberi-nya salam. Dan lapang dada saya dia membalas dengan suara riang dan bahkan sebutannya faseh betul.

## HILANG MOOD

Begitu-lah 'kan hal-nya *pada suatu ketika, bukan pada suatu hari.* Kerana dalam *sa-hari* saya perchaya orang lain pernah mengalami lebeh dari sa-kali dua kejadian saperti itu, ia-itu orang yang di-ajak berchakap di-talipon tidak menjangka akan menerima uchapan assalamu 'alaikum. Tidak saja operator talipon yang sudah terbiasa begitu bahkan ramai orang2 kita saperti hilang *mood* apabila di-beri salam menerusi talipon.

Hilang mood maksud saya ia-lah mereka itu kedapatan janggal untok menjawab dengan suara lantang, nada yang riang dan — yang penting sa-kali ia-lah dengan sebutan yang faseh.

Perkara memberi dan menjawab salam ini ada-lah perkara biasa. Chuma barangkali mulut kita berat kerana kita telah terbiasa dengan uchapan2 lain. Di-talipon kita saperti sudah serasi dengan uchapan 'hello' dan memang-nya itu d i - k i r a 'internationally accepted'. Dan di-munasabah2 lain sa-waktu bertemu2 atau berjumpa2 kita terbiasa dengan uchapan 'selamat pagi' dan sa-umpama-nya. Jarang benar kita menguchapkan assalamu 'alaikum atau membalas uchapan itu dengan wa-'alaikumus salam.

## FAEDAH

Kita bukan tidak di-beritahu akan faedah memberi dan membalas salam itu, malah hukum-nya. Tapi sa-yang kita tidak melazimkan pemakaian-nya sa-chara meluas. Maksud saya: meluas sampai di-laratkan ka-dalam kehidupan harian kita.

Akibat-nya: kelihatan dan kedapatan-lah (bukan sa-takat terasa!) bahawa kita ini kurang bersungguh2 melaratkan chara atau unsor keugamaan ka-dalam waktu2 atau munasabah2 biasa sa-hari2. Pada hal bukan-nya sa-berat apa. Tinggal mulut kita saja yang berat itu!

Kita sudah terbiasa dengan uchapan2 lain, dan memang-nya kita terasoh dengan uchapan2 lain itu.

Di-sekolah pun, dahulu-nya kita dan sekarang anak2 kita, kita-lah yang membiasakan begitu. Apabila guru masok bilek darjah murid2 pun bangkit dengan memberi uchapan selamat pagi atau sa-umpama-nya. *Lihat! Yang datang pula terlebeh dahulu memerima uchapan selamat, bukan sebalek-nya.* Berlainan kalau uchapan selamat itu ia-lah uchapan salam, tentu yang datang masok itu-lah yang mendahulukan uchapan-nya.

Kalau itu di-sekolah, dan kata orang2 yang 'arif sekolah itu besar pengarohnya, maka pemakaian uchapan yang lain dari uchapan salam itu-lah sa-bahagian besar-nya di-pengarohkan dari sekolah. Jadi tentu pula boleh apabila kita (kalau mahu) mempengarohkan yang sa-balek-nya, yakni: guru masok memberi salam dan murid bangkit membalas salam. Bukan-kah itu mudah saja?

Saya tidak fikir apabila sedemikian itu sudah terbiasa, kita maseh akan berat mulut lagi. Kalau berat mulut juga itu erti-nya benar-lah kita belum lagi terupaya melaratkan unsor2 keugamaan sa-chara meluas ka-dalam kehidupan harian, sa-kali pun dalam perkara yang sa-mudah memberi dan menjawab salam.

## KEUPAYAAN

Tetapi, saya tidak-lah terfikir sampai begitu rendah-nya tahap keupayaan kita. Mungkin chuma ia perlu di-gerakkan sebab ianya selalu tidak sa-lanchar yang di-harapkan.

Menggerakkan-nya itu pula (dalam perkara salam ini) tidak-lah sa-besar mana dan sa-berat apa. Tidak-lah umpama-nya sampai berkehendakkan kempen2an pula!

Dan yang penting saya tidak fikir orang kita perlu di-beritahu saperti kesah yang pernah di-ristakan di-zaman kita, ia-itu khabar-nya ada orang yang sampai di-ajar oleh bos-nya apabila hendak masok bilek pejabat terlebeh dahulu mengetok pintu dan kemudian menguchapkan *good morning* atau seumpama-nya.

Sunggoh saya tidak fikir akan sampai begitu sa-kali. Sebab khabar-nya orang yang di-ajar itu chuma bukan2 patuh sedang hati-nya geram, dan daripada-nya-lah khabar ini di-ristakan dengan gaya benchi kapada lagak perangai bos berkenaan.

Kalau pun perlu juga maka saya chuma tertarek meristakan kembali riwayat yang di-turun-temurunkan ia-itu bagaimana Rasulullah s.a.w. pernah menyuroh keluar sa-orang yang masok menemui-nya dan memberitahu orang itu supaya terlebeh dahulu menguchapkan salam dan kemudian minta izin masok. Lalu orang itu patuh dengan kesedaran bahawa Rasulullah s.a.w. bermaksud menunjok ajar-nya beradap sopan dalam semangat keugamaan. Ya! Dalam semangat keugamaan.

Kedua2 ristaan ini mungkin sama chara-nya tapi yang nyata berbeza ia-lah motif-nya. Yang pertama lebeh menekankan kemustahakan sa-orang bos disisi orang bawahan-nya, yakni dia perlu mendapat penghormatan. Sementara yang kedua pula menekankan kemustahakan bagi semua orang beradab sopan dengan semangat keugamaan, ia-itu yang datan memberi salam dan yang menyambut membalas salam.

Sebab itu-lah, sunggoh pun benar kita telah terbiasa dengan uchapan2 hello, selamat pagi dan sa-umpama-nya, tapi mustahak juga-lah di-timbangkan sajauh mana kebiasaan begitu menepati gaya dan tujuan berkehidupan chara Islam kita.

## TIDAK SA-BANDING

Maksud saya: ada-lah tidak sa-banding motif yang terkandong dalam uchapan salam dengan sa-takat uchapan yang lain dari assalamu 'alaikum dan jawaban-nya wa'alaikumus salam itu bagi sa-sama kita. Uchapan salam sedemikian itu membawa erti *Islam,* ia-itu sama2 memberi *'selamat'* yang bermakna jaminan *kesejahteraan.*

*...Tentu kita berhajatkan kesejahteraan itu, bokti-nya ada yang sampai menuntut-nya dengan berbagai2 chara. Tak tau-lah kalau kesejahteraan yang di-hajati itu lain dari maana Islam ...!*

*— Ketua Pegawai Penerangan.*



DI-SEKOLAH, sudah terbiasa murid2 akan bangun menguchapkan selamat pagi atau seumpama-nya apabila guru masok bilek darjah. Tentu-lah mudah pula di-buat kalau guru masok dengan menguchapkan "assalamu 'alaikum" dan murid2 bangun dengan membalas "wa'alaikumus salam".

# HARI RAYA HAJI CELEBRATIONS

BANDAR SERI BEGAWAN. — Moslems in Brunei celebrated the Hari Raya Haji on Thursday.

The prayers were held in the morning at all mosques and suraus and at several schools throughout the country.

At the Omar Ali Saifuddin Mosque here, His Highness the Sultan joined thousands of moslems in prayers.

Also attending the prayers at the mosque were the Paduka Seri Begawan Sultan, the Perdana Wazir, Prince Mohammed Bolkiah, Prince Haji Sufri Bolkiah and Prince Jefri Bolkiah.

Later, H.H. the Sultan and the rest of the royal family exchanged greetings with hundreds of other worshippers at the mosque.

During the feast, it is customary for moslems to make a sacrifice of animals and distribute the meat to needy people.

On the first day of the Hari Raya Haji (Thursday), separate ceremonies were held at a number of places in the Brunei/Muara District.

In Kampong Tanjong Nangka, the residents slaughtered four buffaloes and two cows and distributed the meat among themselves.

Residents of Mukim Sengkurong (see the picture below) also held a similar function at the compound of the Jamie mosque where five cows were slaughtered.

A thanksgiving ceremony was also held at the mosque last Thursday.

Those present included the Deputy State Religious Affairs Officer, the Acting Brunei/Muara District Officer and the President of the Sengkurong Welfare Association.

Similar ceremonies were also performed in other villages.



The Paduka Seri Begawan Sultan being greeted outside the mosque in the capital after the Hari Raya Haji prayers on Thursday.





## Table-tennis competition

SERIA. — The state-level table-tennis competition for the secondary schools and colleges was held last week at the Chung Ching Middle School here.

A total of eighteen boys' and girls' teams took part in the contest.

The boys' senior secondary schools section was won by the Sixth Form Centre in Jalan Gadong while the girls' section was won by the Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri in the Capital.

The Sultan Omar Ali Saifuddin Junior won the contest in the boys' junior secondary schools section whilst the girls' section was won by Chung Hwa Middle School in Bandar Seri Begawan.

Prizes were presented by the Superintendent of Primary Schools in the Belait District, Awang Wong Siew Ming.

## Importation of used cars

BANDAR SERI BEGAWAN. — The Royal Customs and Excise Department has imposed a new rule about importing used cars.

The public is reminded that approval to import used cars must first be sought from the Controller of Customs and Excise before any used car is brought into this country.

The Controller of the Dept, PLCSN Pengiran Anak Haji Abdul Aziz, in a statement has said that the importation of used car is strictly restricted and he reserves the rights to turn down any application which does not comply with the conditions stipulated.

## Parties for orphans

BANDAR SERI BEGAWAN. — Orphans in the Brunei/Muara District were entertained to a reception (see the picture on the right) hosted by the Singapore Airlines in conjunction with the Hari Raya Haji at the hall of the Youth Centre here on Thursday.

In the meantime, more than seven hundred orphans in the District last week also attended a reception held at the same venue.

It was organised jointly by the Welfare, Youth and Sports and the Medical and Health Departments in conjunction with the International Year of the Child.

The programmes included the presentation of gifts by the eldest daughter of His Highness the Sultan, Princess Rashidah Saadatul Bolkiah.

Meanwhile, the Orphan Fund has also received a donation of two thousand and two hundred dollars from a local firm.




## Gov't Quarters ablaze

BANDAR SERI BEGAWAN. — A semi-detached government quarters at Jalan Dato Mohammad Taib here was destroyed by a fire last week.

Firemen from the Fire Brigade here who rushed to the scene were only able to prevent the blaze from spreading to the adjacent houses.

One of the tenants estimated his loss at about twenty thousand dollars.

The other part of the house was occupied by another government officer who had moved there temporarily while his house at Kampong Anggrek Desa was then being renovated.

## Message from Dr Franks

BANDAR SERI BEGAWAN. — The Health Week Campaign which commenced on Oct 14 throughout the state ended on Oct 21.

The drive has been a success and has social and educational values.

The following is the message from Pehin Dato P.I. Franks, the Director of Medical Services:—

THE week long clean up campaign of individual premises and mass clean up of some areas in all the Districts throughout the State has come to an end. It has been as great a success as in the previous year.

It was also heartening to note the spontaneous response and enthusiasm generated during this campaign. The Mass turn out of voluntary workers from all walks of life from children to adults and from government, commercial and voluntary organisation only goes to show that there is awareness of the danger of a polluted and unclean environment.

However experience in the past is that this enthusiasm and awareness is short lived. A clean up campaign of this nature is only springboard for continuous action. It is meant to increase public awareness, stimulate interest and add momentum to remedial action.

Parents and teachers should therefore pass on this message of a clean environment to their children and must ensure that it is practised. It must become a way of life in every home. Only then will there be any progress towards a clean and healthy environment.

While appreciating the wonderful response to our call for volunteers to join in our Health Week campaign, I would like to appeal to every individual to continue to make every effort towards ensuring a clean and healthy environment for our people, particulary for our children who are our leaders of Tomorrow.

Meanwhile, the results of anti litter essay competition for schools throughout the state were announced last week.

It was jointly organised by the Malay, English and Chinese sections of Radio Brunei.

The Malay section championship was won by Awang Suni Sulaiman from the Sufri Bolkiah English School, Tutong.

The second was Dayang Nikmah bte Haji Mohammad and third was Dayang Maisalamah binte Tuah, both from the Anthony Abell College in Seria.

In the English section, the first and the second places were respectively won by Awang Jennis Wong and Awang Ronald Andrew Samuel, both from the Sixth From Centre in Jalan Gadong.

Winning the first place in the Chinese section was Miss Tan Yin Foung followed by Miss Hung Tze Shay, both from the Chung Hwa Middle School here. The third went to Mr Chian Heng Meng, Chung Hwa Middle School, Kuala Belait.

Prizes donated by the Medical and Health Services are expected to be presented at the end of this year.

More than eighty essays were received by the Radio Brunei.

## Gov't Education Policy

BANDAR SERI BEGAWAN. — The Education Department is now placing much emphasis and importance on technical subjects in schools.

The Director of Education, Dato Haji Ahmad bin Hj Jumat, speaking at the opening of Education Day at the Brunei Technical Training Centre in Jalan Muara last week, mentioned the government's education policy.

He said that in view of the rapid changes and development in technology in the world to-day, his department was taking positive measures to keep abreast with the situation by offering scholarships to students to further their studies in technical fields.

The steps were adopted to ensure the availability of key skills at crafts and technical levels.

## Police warning

BANDAR SERI BEGAWAN. — The Police Department has again warned the public that it is an offence to drive or ride on beaches without permission from the Commissioner Of Police.

The warning was issued following the death of a seventeen-year old youth who was trying to cross a stream at the beach with his motor-cycle last Thursday.

The body of Awang Arif bin Rashid was found at a beach in Lorong Dua in Seria. He was an employee of the Brunei Shell Petroleum Company.

Police believe that his motor-cycle overturned, injuring him fatally.

# Darihal makanan dan minuman

SAYA selalu di-tanya dalam perkara makanan dan minuman, dan juga daging2 yang menjadi ragu2 pada pandangan umat Islam.

Sa-sunggoh-nya, menuntut perkara halal ada-lah wajib dan fardhu, dan makanan halal ada-lah wajib dan fardhu dalam ugama Islam — sa-bagaimana di-sebutkan oleh Al-Imam Al-Ghazali dalam kitab-nya Al-Ehya'.

Dan mustahak di-ingat bahawa makan dan minum bahan2 yang halal dan suchi tiada najis ada-lah satu sharat di-terima do'a kapada Allah Ta'ala.

Sekarang banyak perkara2 yang tiada halal atau di-ragu2kan oleh umat Islam telah di-dapati dalam makanan dan minuman yang di-buat oleh orang2 yang bukan Islam atau di-impot di-bawa masok ka-dalam negeri dari negeri2 bukan Islam saperti minyak makan, minyak kachang, magerin, keju dan sa-bagai-nya; dan saperti daging2 sejok dari jenis daging kambing dan lembu pangkong dan juga ayam2 sejok dari negeri2 bukan Islam.

Sebab-nya ia-lah kerana orang Islam leka dan lalai dari memperoses dan lemah dari belajar memperoses barang2 makanan dan minuman itu, lalu tinggal berharap sahaja kapada bangsa2 bukan Islam. Dengan sebab itu pula ekonomi mereka dan wang belanja hari2 mereka masok kasaku orang2 bukan Islam sedang orang2 Islam tinggal dalam kesempitan dan penderitaan hidup. Pada hal belajar memperoses makanan dan minuman dan menjalankan peroses dari bahan2 makanan dan minuman ada-lah perkara yang wajib dan fardhu ka-atas umat Islam, atau wajib sa-demikian itu di-namakan fardhu kifayah. Kalau tidak menjalankan dan tidak membuat perkara2 yang di-hajati dan di-kehendaki oleh umat Islam ada-lah suatu dosa dan derhaka sa-bagaimana kata ulama' dalam kitab2 feqah. Memperoses makanan dan minuman itu mudah dan perkakas serta alat2 baharu yang rengan2 dan kechil2 banyak terjual dan boleh di-dapati di-mana2 dan modal-nya pun kechil boleh di-buat dan di-tanggong oleh orang2 awam Islam.

Akibat tiada mahu memperoses makanan dan minuman dari bahan2 yang banyak yang ada di-negeri kita, ada-lah di-khuatiri orang2 Islam makan dan minum barang2 dan benda2 yang shubhat atau benda2 yang haram atau yang najis.

Satu chontoh bahan2 yang selalu di-gunakan orang2 kita dalam membuat shirab dan kueh2 ia-lah vanella. Pada hal vanella yang di-proses dan di-buat dengan ramuan alkohol ada-lah haram di-makan, kerana alkohol ada-lah arak, dan arak ada-lah haram dengan keterangan nas Al-Kor'an, hadith2 dan ijma'.

Sementara gelatine atau jeli atau dalam bahasa Arab nama-nya halam (di-sebutkan dalam Al-Munjid dan Kamus Arab — Ingeris susunan Alias Anton) ada-lah di-perbuat dari daging anak lembu dengan kulit2-nya sa-kali. Daging anak lembu dengan kulit2-nya sa-kali yang datang dari negeri bukan Islam atau negeri Majusi dan negeri2 penyembah berhala ada-lah di-kira bangkai. Oleh sebab itu jeli atau gelatine ada-lah haram di-makan oleh umat Islam dengan di-masokkan ka-dalam kueh atau lain-nya. Boleh jadi jeli itu di-perbuat dari binatang yang lain dari lembu saperti babi.



DAGING2 dari binatang2 yang halal hanya akan halal di-makan kalau di-sembeleh mengikut shara'. Oleh itu orang2 Islam wa-jib-lah mendapatkan yang halal itu bagi di-jadikan makanan.

## ALAT KEMUDAHAN ZAMAN SEKARANG

Sa-lepas perang dunia kedua maka alat2 dan perkakas2 baharu telah di-reka bagi kemudahan hidup manusia, ia-itu mengikut keadaan kemaraan dan kemajuan serta alam sa-kitar zaman sekarang.

Orang Islam tiada ketinggalan dari mendapat faedah dari alat2 dan perkakas2 baharu yang di-reka itu. Mithal-nya dalam lapangan makanan dan minuman maka orang2 Islam menggunakan kemudahan2 itu saperti kopi yang telah di-peroses, mereka membeli dari pasar2 dan kedai2; dan minyak makan yang telah di-peroses, mereka membeli dari kedai2 yang telah membawa minyak makan itu dari kilang2. Mereka pun tidak payah mengisar kopi di-rumah2 dengan sendiri dan tidak payah memperoses minyak makan dari buah kelapa dan kachang tanah — walaupun buah kelapa ada di-keliling rumah mereka, dan alat2 memperoses itu ada di-jual dan boleh di-gunakan dengan selesa.

Akan tetapi faedah2 yang di-dapati oleh orang2 Islam atau orang2 Melayu itu tiada menguntongkan mereka dari segi kehidupan dan ekonomi, dan dari segi halal haram, suchi dan najis; dan dari segi shubhat dan haram serta juga najis mughallazah atau bukan mughallazah.

Dapat di-lihat bahawa makanan orang2 Melayu itu pada ghalib dan biasanya bergantong kapada orang2 lain yang bukan Islam. Umpama-nya dalam makanan mee, tauhu, makaroni, roti, kueh, kek, biskut, aiskerem, karipap, rojak, kichap, goreng pisang, keropok, sop ayam dalam botol dan kari2 tin dan lain2 lagi.

Dalam minuman pula mereka menggunakan ramuan2 yang di-peroses dari koko, kopi, ayer2 dalam botol yang di-peroses dari limau nipis, orange, soda, dan lain2 lagi. Boleh jadi minuman2 itu di-peroses berchampor benda2 atau bahan2 yang najis.

Dalam bahagian lauk, mereka membeli daging sejok dari jenis kambing, lembu dan ayam yang di-impot dari negeri2 saperti Denmark, Amerika, Australia dan negeri China bagaimana saya lihat nama sharikat yang membawa masok daging2 sejok dalam buku panduan talipon.

Saya dengar dalam radio bahawa ada daging yang di-jual di-sa-tengah2 pasar itu ada-lah bangkai sebab tiada di-ketahui sembeleh-an-nya menurut Islam. Ini di-sebabkan kekurangan lembu kerbau dalam negeri2 sa-belah sini. Maka orang2 bukan Islam mengambil peluang menjual daging samada bangkai atau tiada di-sembeleh chara Islam kapada umat Islam.

## MENJALANKAN PERUSAHAAN ADA-LAH MULIA

Kira-nya orang2 Islam dan orang2 Melayu menggunakan alat2 dan perkakas2 baharu dan moden itu bagi memperoses bahan2 makanan dan minuman yang di-sebutkan itu maka mereka akan dapat laba dan mewah dalam kehidupan dan penchariannya dan mereka dapat makan — minum bahan2 yang di-peroses dengan chara suchi bersih, tiada najis, tiada shubhat dan tiada ragu2 lagi halal tiada berchampor najis atau yang shubhat pada halal dan suchi. Dan dari segi ekonomi hal keadaan mereka bertambah2 baik dengan tiada bergantong sangat kapada orang lain dengan makan gaji kapada bangsa2 asing dan menadah tangan minta rahmat serta belas kasehan orang lain.

Di-riwayatkan oleh Al-Imam2 Al-Bazzar dan Al-Hakim daripada Sahabat Rifa'ah bin Rafi'e (radhiallahu 'anhu) bahawa Nabi (salallahu 'alaihi wasallam) telah di-tanya apa dia pencharian yang lebeh baik ya'ani lebeh halal dan lebeh suchi. Baginda menjawab:

عمل الرجل بيده وكل بيع مبرور

Erti-nya: "Sa-seorang itu bekerja pekerjaan tangan dengan menchari rezeki dengan sendiri, dan tiap2 jualan yang mabrur — ya'ani suchi dari sumpah bohong dan suchi dari churang serta tipu daya"

Kata Al-Imam Al-Hakim hadith ini ada-lah saheh.

Di-riwayatkan oleh Al-Imam2 Bukhari dan Muslim daripada Sahabat Abu Hurairah, Rasulullah (sallallahu 'alaihi wasallam) bersabda:

لأن يحتطب أحدكم حزمة على ظهره خير له من أن يسأل أحدا فيعطيه أو يمنعه.

Erti-nya: "Demi sa-orang itu pergi menchari kayu api (di-gunong2 — sa-bagaimana dalam satu riwayat lain) di-bawa-nya sa-ikat di-atas belakang-nya dan di-jual-nya, itu ada-lah lebeh baik dari ia meminta daripada sa-seorang, sama-da orang itu memberi-nya atau enggan memberi-nya".

Banyak lagi hadith2 Nabi (sallallahu 'alaihi wasallam) dalam perkara menyuroh menchari rezeki dan kehidupan dengan bekerja sendiri dan menegah dari bergantong serta minta belas kasehan orang. Bahkan ada di-antara-nya yang menyebutkan bahawa sa-tengah Nabi2 saperti Nabi Daud dan Nabi Zakaria ('alaihi masallam) ada-lah menchari rezeki dengan chara bekerja sendiri. Nabi Daud itu ada-lah sa-orang Rasul dan juga sa-orang raja yang besar bagi umat Bani Israel tetapi Baginda itu bekerja dengan membuat baju besi dan menjual-nya. Nabi Zakaria pula ada-lah bertukang kayu bagi menchari kehidupan. Jadi, bekerja sendiri itu ada-lah lebeh mulia dari makan gaji di-kilang2, di-pejabat2 dan di-gedong2.

## FARDHU KIFAYAH DAN WAJIB

Orang2 Melayu dan orang2 Islam berhajat dan suka serta gemar makan makanan dan minuman yang di-peroses, tetapi mereka kurang berminat memperoses-nya pada hal ada perkakas2 moden yang boleh di-beli dengan harga murah dan kechil modal-nya, dan ada banyak buah2an tempatan atau yang di-bawa masok ka-dalam negeri, serta ada berbagai2 lagi kemudahan pada mereka, tetapi mereka tinggal senang bergantong kapada orang lain.

Kelengahan orang2 Islam atau orang2 Melayu dalam perkara tersebut ada-lah salah dari segi ugama dan mereka berdosa, kerana telah tidak menjalankan satu dari perintah ugama. Oleh itu orang2 Islam hendak-lah belajar memperoses dan kemudian menjalankan segala pertukangan serta perusahaan dalam memperoses benda2 dan bahan2 yang di-hajati oleh umat Islam saperti dalam bidang makanan dan minuman ini.

WALLAHU A'ALAM

## YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS........



HAJI ISMAIL BIN OMAR ABDUL AZIZ
(YDM. Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama)
Pehin Datu Seri Maharaja, D.K., P.S.S.U.B., D.S.L.J., S.M.B., P.H.B.S., P.I.S., Azhar dan U. Cairo, Mufti



ORANG2 Islam turut mendapat faedah dari alat2 chiptaan baharu bagi kemudahan hidup. Alat saperti dalam gambar atas ia-lah pengisar bagi membuat mee yang boleh di-beli dan di-gunakan dengan mudah. Jika orang2 Islam menggunakan kemudahan ini mereka tentu dapat memakan mee yang di-buat oleh orang2 Islam sendiri.



# MENTAATI AJARAN2 UGAMA DENGAN SA-PENOH HATI

UGAMA Islam itu ada-lah ugama yang di-turunkan Allah s.w.t. sesuai dengan fitrah atau tabi'at kejadian manusia, maka kerana itu-lah sa-tiap seruan Islam ada-lah sesuai dengan kehendak2 dan keperluan2 yang wajar bagi manusia dan sa-tiap larangan Islam itu ada hikmat2 dan faedah2 yang tertentu kapada mereka walau pun hikmat2 dan faedah2 itu sa-tengah-nya tidak kita ketahui dengan jelas-nya. Perkara ini telah di-terangkan sendiri oleh Allah di-dalam Al-Kor'an Surah Ar-Rom ayat 30 yang bermaksud: *"Maka tegakkan-lah atau hadapkan-lah wajah mu kapada ugama ini dengan sa-genap kechenderongan hati, kerana itu-lah fitrah Ilahi yang mana tiap2 manusia mesti hidup berugama dan tidak ada lagi perubahan bagi perbuatan Allah dan itu-lah ugama yang benar tetapi sa-bahagian manusia tiada mengetahui."*

Berdasarkan firman Allah itu jelas-lah kapada kita bahawa hidup berugama itu sudah jadi bahagian dan fitrah atau tabi'at kejadian manusia. Dan untok kebaikan dan faedah manusia itu ada-lah perlu di-lindongi oleh undang2 dan peratoran2 supaya mereka itu dapat menyempurnakan tugas2 dan kewajipan2 mereka sa-bagai makhlok Tuhan di-atas muka bumi ini.

Undang2 dan peratoran2 itu itu ia-lah Ugama Islam yang dapat memenohi kehendak2 dan keperluan2 jasmani dan rohani mereka. Dengan mematohi undang2 dan peratoran2 Islamiah yang dapat menjamin keamanan dan keselamatan manusia hidup di-dunia dan di-akhirat. Kerana itu Allah telah menyeru dan menyuroh manusia memasoki jalan keselamatan itu dengan firman-Nya di-dalam surah Al-Baqarah ayat 28 yang bermaksud: *"Wahai orang2 yang beriman masok-lah kamu semua dalam keselamatan dan jangan-lah kamu ikut langkah2 shaitan itu ada-lah musoh kamu yang sa-terang2-nya".*

Yang di-maksudkan dengan keselamatan di-dalam ayat ini ia-lah ugama Allah ia-itu Ugama Islam dan yang di-maksudkan dengan memasoki itu ia-lah mengamalkan ajaran2 Islam sachara keselurohan bukan sa-tengah2, bukan pula di-waktu senang atau sa-balek-nya sahaja, bukan pula hanya di-waktu sudah tua sedangkan waktu muda tidak, bukan pula di-waktu ada kelapangan sedang waktu susah tidak atau sa-balek-nya. Pendek kata kita ada-lah di-kehendaki mengamalkan ajaran2 ugama itu dalam keselurohan mutlak baik dari segi waktu, tempat, keadaan, umor, keluarga dan lain2 yang bersifat keselurohan.

Dalam Surah Al-Haj ayat 11 Allah telah membuat tegoran dan sindiran kapada orang2 yang memileh-mileh ajaran ugama dengan mengamalkan beberapa bahagian sedangkan bahagian2 yang lain yang tidak sesuai dengan "luhor dan kenafsuan" mereka tinggalkan, firman-Nya yang bermaksud: *"Sa-tengah dari manusia ada orang yang menyembah Allah dengan sa-paroh hati dan keraguan hingga manakala ia memperoleh kornia Allah senang dan tenteram-lah hati-nya dan sa-balek-nya manakala ia di-timpa chobaan (bala) berputar-lah hati-nya menjadi kafir, maka jadi rugi-lah ia di-dunia dan di-akhirat dan itu-lah dia kerugian yang sa-terang2-nya".*

Dalam kehidupan kita sa-hari2 kadang2 ada kita berjumpa dengan orang2 Islam yang memileh-mileh ajaran ugama itu, mana2 yang di-rasa-nya baik dan sesuai dengan kepentingan diri-nya itu-lah sahaja yang di-ikuti-nya manakala yang berlawanan dengan kepentingan-nya, terus di-ketepikan-nya, mithal yang paling dekat sa-orang suami mencheraikan isteri-nya kerana bermaksud hendak berkahwin baru. Ajaran ugama yang membolehkan mencheraikan isteri itu-lah yang di-pakai-nya manakala kewajipan untok membayar nafkah edah dan nafkah anak2-nya dari isteri pertama itu tidak pula di-tunaikan-nya sebab mencheraikan isteri itu sesuai dengan kepentingan diri-nya, manakala tugas dan kewajipan membayar belanja edah dan nafkah anak itu berlawanan dengan kepentingan-nya. Orang yang sa-umpama ini tidak-lah dapat di-katakan orang yang benar2 patoh kapada ugama pada keselurohan-nya dan ia-nya tetap-lah termasok sa-bagai orang yang mendapat kerugian dunia dan akhirat.

Oleh yang demikian maka ada-lah di-serukan bahawa sa-bagai orang2 Islam kita hendak-lah menta'ati ajaran2 ugama dengan sa-penoh hati dan jujor pada mengamalkan-nya mudah-mudahan dengan demikian akan termasok-lah kita sa-bagai orang2 yang mendapat keselamatan hidup di-dunia dan di-akhirat.

## Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

**Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 7hb Nobember, 1979 hingga kahari Selasa 13hb Nobember, 1979 ada-lah saperti di-bawah ini: —**

| *Hari Bulan* | *Dzuhor* | *Asar* | *Magrib* | *Isha* | *Imsak* | *Suboh* | *Matahari Terbit* |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 7hb Nob | 12.10 | 3.28 | 6.07 | 7.22 | 4.34 | 4.49 | 6.06 |
| 8hb Nob | 12.10 | 3.28 | 6.07 | 7.22 | 4.34 | 4.49 | 6.06 |
| 9hb Nob | 12.10 | 3.28 | 6.07 | 7.22 | 4.34 | 4.49 | 6.06 |
| 10hb Nob | 12.10 | 3.28 | 6.07 | 7.22 | 4.34 | 4.49 | 6.06 |
| 11hb Nob | 12.11 | 3.29 | 6.07 | 7.22 | 4.35 | 4.50 | 6.07 |
| 12hb Nob | 12.11 | 3.29 | 6.07 | 7.22 | 4.35 | 4.50 | 6.07 |
| 13hb Nob | 12.11 | 3.29 | 6.07 | 7.22 | 4.35 | 4.50 | 6.07 |

**Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.**

**Sembahyang Juma'at di-seluroh Negeri Brunei di-mulai pada pukol 12.45 tengah hari.**

# KETIDAK-IKHLASAN MENGHAMPIRKAN PENYAKIT DENGKI

**Bingkisan minggu ini**

"HIDUP-NYA jasad sa-seorang itu ada-lah kerana roh-nya, dan hidup-nya peribadi sa-seorang itu ia-lah kerana keikhlasan-nya. Maka apabila keikhlasan-nya sudah tidak ada, pasti-lah akan mati peribadi itu". Demikian kata sa-orang ahli fikir.

Ada pun pengertian keikhlasan itu ia-lah suchi berseh daripada segala kekotoran. Atau lebeh tepat jika di-katakan sa-bagai kejujoran hati. Orang yang bersifat ikhlas ada-lah bekerja dan melakukan satu2 tugas itu dengan baik walau pun tidak di-hadapan orang lain. Sedangkan orang2 yang bekerja atau melakukan satu2 tugas yang hanya kerana ingin di-lihat orang atau mengharapkan pujian maka orang itu di-katakan sa-bagai ria' atau munafiq.

Bagi orang yang ikhlas segala pekerjaan-nya ada-lah sama, tidak berbeza di-luar atau di-dalam, zahir atau pun bathin. Kalau-lah ia sa-orang pekerja, ia tidak akan bekerja dengan rajin hanya ketika berhadapan dengan ketua-nya, sedangkan mengambil rehat yang panjang apabila ketua-nya sudah tiada. Perbuatan saperti ini, jika berlaku ada-lah sa-rupa dengan ibarat 'pepat di-luar renchong di-dalam', dan sa-sunggoh-nya tidak-lah baik di-jadikan 'amalan', kerana bukan saja tidak bertanggong-jawab terhadap tugas sendiri, bahkan juga telah mengkhianati diri sendiri. Yang demikian nyata-lah besar-nya pengaroh bersifat ikhlas bagi kemajuan hidup.

Bersifat ikhlas ada-lah modal yang utama untok memperolehi kejayaan dalam apa saja lapangan. Sharikat2 perniagaan, bank2 pembangunan, dan apa saja bentok perusahaan, maka modal yang paling besar ia-lah ikhlas terhadap orang ramai. Tetapi jika keikhlasan sudah tidak ada lagi, walau berapa pun besar modal-nya, akan runtoh dan rugi-lah ia pada akhir-nya. Maka sebab itu-lah bagi sa-seorang yang ikhlas dan jujor hati-nya tidak akan terasa sempit hidup-nya kerana masharakat akan tahu di-mana ia harus di-letakkan. Sa-balek-nya bagi orang yang berdusta atau tiada jujor terhadap diri-nya sendiri meski pun ia berada di-tempat yang tinggi, ia pasti akan jatoh pada akhir-nya dan tidak akan sampai ka-mana dalam chita2-nya.

Jua bagi mereka yang tidak jujor dalam hidup-nya akan sentiasa tidak perchaya kapada orang lain kerana ia sentiasa memandang rendah budi orang lain saperti mana kerendahan budi-nya.

Sa-benar-nya terlalu banyak untok di-perkatakan tentang sifat2 yang menunjokkan sa-seorang itu tidak terlalu jujor. Mengikut beberapa orang ahli penyelidek bahawa tabi'at menunjokkan diri kapada orang lain lebeh dari apa yang sa-benar-nya ada-lah juga menunjokkan sa-seorang itu tidak ikhlas. Demikian juga mereka yang mengatakan diri-nya tahu segala-gala-nya ada-lah alamat bagi orang yang kosong dada-nya, sedangkan sa-seorang penyelidek ilmu yang luas pengetahuan-nya lagi-kan merasa bertambah kekurangan apabila bertambah banyak yang di-selideki-nya. Yang kurang ilmu-nya, perchakapan-nya akan menjadi tinggi dan sa-olah2 dia-lah pemikir besar yang boleh menggonchang dunia dengan sebab teori-nya, sedangkan kemungkinan rumah-tangga-nya sendiri tidak terurus. Maka hakikat-nya sama-lah saperti penjual ubat di-tepi jalan untok memberi kesihatan kapada orang ramai, sementara diri-nya sendiri puchat kuning kerana penyakit, maka itu bukan keikhlasan nama-nya.

Apabila sa-seorang itu sudah tidak ikhlas terhadap apa saja pekerjaan-nya maka di-situ akan hampir sajenis penyakit yang amat merbahaya ia-itu penyakit dengki kapada orang lain. Dia tidak akan senang sabelum melakukan kechurangan kapada orang lain, oleh sebab itu keruntohan diri-nya kian hampir ternampak. Keikhlasan tidak bermaana menjual pendirian. Sa-seorang muslim yang ikhlas dan sa-seorang bukan muslim yang ikhlas boleh bersahabat dengan erat dan tidak payah mengorbankan ugama masing2. Tetapi jalan untok melalui keikhlasan ada-lah sukar apa-tah lagi dalam masharakat yang kuchar-kachir. Yang demikian dengan hanya penoh keyakinan serta semangat berugama maka kesukaran itu akan dapat di-atasi kerana Islam sendiri menggalakkan kejujoran.



SA-BAHAGIAN dari 400 orang anak2 yatim yang di-rai'kan dalam satu jamuan sempena Hari Raya Haji pada 1hb Nobember yang lalu. Majlis tersebut di-anjorkan oleh Sharikat Penerbangan Singapura dan telah di-adakan di-Pusat Belia di-Bandar Seri Begawan.





SALAH sa-ekor kerbau yang di-korbankan oleh pendudok2 Kampong Jerudong ketika menjalani penyembelehan yang di-lakukan oleh Awang Haji Bayau (gambar atas).

Sementara gambar atas kiri pula pembahagian daging2 korban kapada orang2 kampong yang menerima-nya sedang di-lakukan oleh pendudok2 Kampong Sengkurong.

## Memelok Ugama Islam

BANGAR. — Bertempat di-Masjid Utama Mohammad Salleh di-sini baru2 ini telah di-langsongkan majlis pengIslaman bagi dua orang Iban suami isteri. Amu anak Amai, kini di-kenali sa-bagai Jeffrydin bin Abdullah, manakala isteri-nya Nuie anak Mohari memileh nama Islam-nya sa-bagai Rosnah bte Abdullah.

Mereka masing2 melafadzkan ikrar Islam-nya di-hadapan Yang Dimuliakan Pehin Dato Pekerma Dewa Haji Abd. Rahim bin Akim dan Awang Yusof bin Haji Kamis, kedua-dua mereka ada-lah pegawai dari Yunit Gerakan Dakwah di-daerah tersebut.

# 20 ekor lembu dan kerbau di-sembeleh sa-bagai korban

JERUDONG. — Buat kali ketiga-nya pendudok2 yang berugama Islam di-Kampong Jerudong pada pagi Khamis, 1hb Nobember yang baru sa-telah sempurna menunaikan sembahyang raya haji telah melakukan kerja penyembelehan korban lima ekor kerbau dan sa-ekor sapi.

Kerja penyembelehan korban tersebut yang di-lakukan di-salah satu kawasan tanah kampong berkenaan telah di-hadhiri oleh anak2 kampong.

Pengorbanan binatang2 tersebut ada-lah merupakan jumlah korban yang paling banyak di-lakukan oleh pendudok2 kampong itu sejak tiga tahun yang lalu.

Sementara itu pada hari yang sama juga beberapa buah kampong lagi telah melakukan penyembelehan korban termasok antaranya pendudok2 kampong Bunut, Sengkurong dan Serusup.

Lebeh 20 ekor lembu telah di-korbankan oleh pendudok2 berkenaan sa-bagai menunaikan ibadah berkorban di-hari raya haji yang di-lakukan sa-tiap tahun.

Sempena hari raya korban juga, penuntut2 kelas ugama dan Kor'an di-Mardarsah Masjid Setia Ali dan dengan kerjasama pendudok2 Pekan Muara, empat ekor sapi telah juga di-korbankan.

Penyembelehan tersebut yang merupakan julong kali di-adakan oleh penuntut2 berkenaan terdahulu dari itu telah mengadakan majlis ramah-tamah dan do'a selamat sa-belum upachara membahagi-bahagikan daging di-jalankan.

Penuntut2 berkenaan berharap supaya ibadat sa-rupa akan dapat mereka adakan lagi pada tahun depan.

## Sambutan terhadap Kempen Kesihatan menggalakkan

BANDAR SERI BEGAWAN.—Pengarah Perkhidmatan2 Perubatan dan Kesihatan, Y.B. Pehin Orang Kaya Tabib Laila Diraja Dato Dr P.I. Franks mengucapkan terima kaseh dan penghargaan kapada mereka yang telah mengambil bahagian dalam kempen Minggu Kesihatan yang telah berakhir pada 21hb Oktober yang lalu.

Pehin Dato Dr Franks mensifatkan sambutan pekerja2 sukarela terhadap kempen tersebut ada-lah sangat menggalakkan dan ini menunjokkan bahawa orang ramai mempunyai kesedaran tentang merbahaya-nya suatu keadaan alam sekitar yang terchemar dan kotor :

Berikut ia-lah perutusan sapenoh Pehin Dato Dr. Franks:

Kempen kebersehan pada sapanjang minggu bagi bangunan2 serta kawasan2 persendirian dan pembersehan menyeluroh bagi sa-tengah2 kawasan di-semua daerah di-seluroh negeri telah pun berakhir. Kempen ini sangat berjaya saperti hal-nya di-tahun yang lalu.

Sambutan yang tidak di-duga dan tenaga yang di-berikan dalam masa kempen tersebut sangat-lah menggalakkan. Kebanyakan-nya terdiri dari pekerja2 sukarela dari semua perengkat, dari kanak-kanak hingga-lah kapada orang2 dewasa dan dari jabatan2 kerajaan, badan2 perniagaan serta pertubohan2 sukarela yang samata2 menunjokkan ada-nya kesedaran awam tentang merbahaya-nya suatu keadaan alam sekitar yang terchemar dan kotor.

Akan tetapi, apa yang telah di-alami dari masa2 yang sudah, semangat dan kesedaran ini tidak-lah berpanjangan. Kempen kebersehan saperti ini hanya-lah satu chara permulaan bagi langkah2 seterus-nya. Ia-nya bertujuan untok memupok kesedaran orang ramai, mendorong kechendrongan dan menambah kepesatan bagi langkah meperbaiki-nya.

Oleh yang demikian, perlu-lah ibu2 bapa dan guru2 menyampaikan pesanan ini kapada kanak2 mengenai keadaan sekitar yang berseh dan hendak-lah menentukan yang perkara ini di-lakukan. Ia-nya hendak-lah di-jadikan sa-bagai satu chara hidup di-setiap rumah. Hanya dengan ini nanti terdapat kemajuan terhadap satu keadaan alam sekitar yang berseh dan sehat.

Dalam menghargai sambutan yang begitu mengembirakan terhadap seruan kita kapada sukarelawan2 dalam menyertai kempen Minggu Kesihatan kita, sukachita saya merayu kapada orang2 perseorangan untok terus bergiat pada menentukan satu keadaan sekitar yang berseh dan sehat, terutama sekali bagi kanak2 kita siapa yang akan menjadi pemimpin kita di-masa hadapan.

# Keputusan peraduan mengarang sempena Minggu Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Keputusan peraduan mengarang yang di-anjorkan oleh Jabatan Radio Talivishen Brunei sempena Minggu Kesihatan tahun ini telah di-umomkan.

Peraduan itu di-bahagikan kapada tiga bahagian; bahasa Melayu, Inggeris dan China dan telah di-sertai oleh sa-ramai 80 orang penuntut dari seluroh negeri.

Dalam bahagian karangan bahasa Melayu tempat pertama telah di-menangi oleh Awang Suni bin Sulaiman dari Sekolah Inggeris Sufri Bolkiah, Tutong; tempat kedua di-menangi oleh Dayang Nikmah bte Mohammad Noor dan tempat ketiga jatoh kapada Dayang Maisalamah bte Tuah, kedua-dua-nya dari Maktab Anthony Abell, Seria.

Dalam bahagian karangan bahasa Inggeris pula mendapat pertama ia-lah Dayang Jennie Wong dan tempat kedua di-menangi oleh Awang Ronald Andrew Samuel, kedua-dua-nya dari Pusat Tingkatan Enam, Jalan Gadong.

Sementara dalam bahagian karangan bahasa China, tempat pertama dan kedua di-menangi oleh penuntut2 dari Sekolah Menengah Chung Hwa, Bandar Seri Begawan ia-itu Dayang Tan Yin Foung dan Dayang Hong Tze Shay manakala pemenang ketiga ia-lah Awang Chien Hing Meng dari Sekolah Menengah Chung Hwa, Kuala Belait.

Hadiah2 akan di-berikan oleh Jabatan Perubatan dan Kesihatan di-jangka pada akhir tahun ini.



PERTANDINGAN Permainan Lalu-lintas Shell bagi Sekolah2 di-Daerah Temburong telah di-adakan pada 26hb Oktober yang lalu (gambar atas).

Sa-banyak enam buah sekolah di-daerah itu telah mengambil bahagian dalam pertandingan yang julong2 kali-nya di-adakan di-daerah tersebut.

Sekolah Melayu Bokok dan Sekolah Melayu Batu Apoi akan mewakili sekolah2 di-Daerah Temburong ka-Pertandingan Perengkat Negeri yang akan di-adakan di-Bandar Seri Begawan.

## Hadhiri kursus di-Singapura

BANDAR SERI BEGAWAN. — Empat orang pegawai dari Jabatan Pos telah berlepas ka-Singapura dan Thailand pada hari Jumaat lepas untok mengikuti berbagai kursus.

Tiga orang daripada-nya akan mengikuti Kursus Asas Kerani sa-lama tiga minggu di-Pejabat Pos Singapura. Mereka ia-lah Awang Alli bin Metussin, Awg Tengah bin Abdullah dan Awang Harris bin Haji Walli.

Kursus tersebut akan berakhir pada 24hb Nobember dan sa-telah itu mereka akan di-tempatkan sa-lama 10 hari untok menjalani kerja2 praktikal di-Pejabat Pos Singapura.

Sementara Awang Metassan bin Haji Metussin, Pemangku Penguasa Pos (Mel) pula akan mengikuti Kursus Perkhidmatan Pos Antarabangsa yang pertama yang di-adakan di-Thailand. Kursus sa-lama lapan minggu itu telah bermula pada 5hb Nobember yang lalu.

# RANCHANGAN TV MINGGU INI

**Pehak Radio Talivishen Brunei berhak untok menukar mana2 jua ranchangan yang di-fikirkan perlu tanpa memberi tahu terlebeh dahulu.**

## RABU — 7HB NOB.

PETANG

5.45 PEMBUKAAN

5.46 KORAN DAN MARI KITA BERDO'A

5.58 SUSUNAN RANCHANGAN

6.00 RENGKASAN BERITA

6.02 STAR TREK — "Let That Be Your Last Battlefield" Enterprise menjadi medan peperangan bagi dua orang asing yang saling kejar mengejar melalui angkasa sa-lama 50,000 tahun dan mengancham untok meletupkan kapal itu.

6.07 AZAN MAGHRIB

6.11 STAR TREK — sambongan

6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM

7.10 BEWITCHED — "Weep No More" Samantha menangis apabila satu sumpahan untok menyelamatkan sa-pohon pokok, gagal.

7.22 AZAN ISHA

7.26 BEWITCHED — sambongan

7.40 FLAMBARDS — Episod 10 "New Blood" William terbunoh dan Mark "yang hilang di-katakan telah mati", Christina pula ka-Flambards, sa-orang balu yang bakal menjadi ibu untok memulakan penghidupan baru.

8.30 WARTA BERITA

8.45 MAJALLAH BRUNEI

9.05 SHOW OF THE WEEK — James Last Star Parade

9.55 INTERNATIONAL SOCCER : Brazil vs Ajax

10.45 SIARAN TAMAT

## KHAMIS — 8HB NOB.

PETANG

5.45 PEMBUKAAN

5.46 KORAN DAN MARI KITA BERDO'A

5.58 SUSUNAN RANCHANGAN

6.00 RENGKASAN BERITA

6.02 BIG BLUE MARBLE

6.07 AZAN MAGHRIB



RON Leibman (kanan) memegang peranan sa-bagai Peguam Martin "Kaz" Kazinsky dan bintang undangan Eugene Roche sa-bagai hakim yang di-tudoh berkelakuan ganjil dalam kesah "Verdict in Department 12" dalam "Kaz".

6.11 BIG BLUE MARBLE — sambongan

6.30 NOBODY'S HOUSE

6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM

7.10 HIDAYAT

7.22 AZAN ISHA

7.26 HIDAYAT — sambongan

7.40 HIGH CHAPARRAL — "The Kinsman" The Cannons menjaga sa-orang saudara yang terchedera siapa yang membalas budi baik mereka dengan menchuri wang gajian ladang.

8.30 WARTA BERITA

8.45 DOCUMENTARY : Rombongan Perniagaan dan Muhibbah Brunei ka-Negeri Thai.

9.15 TAYANGAN GAMBAR MELAYU

11.15 SIARAN TAMAT.

## JUMAAT — 9HB NOB.

PETANG

5.15 PEMBUKAAN

5.16 KORAN DAN MARI KITA BERDO'A

5.28 SUSUNAN RANCHANGAN

5.30 FAMILY CLASSICS— "20,000 Leagues Under The Sea" Bahagian I.

6.00 RENGKASAN BERITA

6.02 SAYANG ADEK-KU SAYANG

6.07 AZAN MAGHRIB

6.11 SAYANG ADEK-KU SAYANG — sambongan

6.30 FAMOUS FIVE — "Five Go To Demon's Rock" Lima orang kanak2 ini pergi memburu harta sa-lepas mendengar kesah mengenai emas yang tersembunyi di-gua2 berdekatan dengan Demon's Rock.

6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM

7.10 THE GOOD LIFE — "Sweet and Sour Charity" Margo merasa terkejut mendapati dirinya sa-bagai pelakun utama dalam "Sweet Charity" lebeh2 lagi tatkala ia melihat pakaian2-nya.

7.22 AZAN ISHA

7.26 THE GOOD LIFE — sambongan

7.40 THE OSMOND FAMILY SHOW

8.30 WARTA BERITA

8.45 THE DAVID NIXON MAGIC SHOW

9.30 HAWAII FIVE 'O' — "Target ? The Lady" Sa-lepas Curt Anderson, sa-orang lelaki yang mempunyai hubongan2 dengan perjudian di-dapati terbunoh di-bileknya di-Honolulu. Steve McGarrett dan rakan2-nya menchari sa-orang gadis pengantar bagi Casino Las Vegas, dan mendapati bahawa sa-orang lelaki sedang berlumba dengan mereka untok mendapatkan gadis itu.

10.20 THRILLER — "Sign of Death"

11.30 SIARAN TAMAT.

## SABTU — 10HB NOB.

PETANG

5.15 PEMBUKAAN

5.16 KORAN DAN MARI KITA BERDO'A

5.28 SUSUNAN RANCHANGAN

5.30 KUM KUM — "Down With The Eater" Sa-ekor beruang membunoh teman baik Paru Paru sedang mereka berpiknik. Paru Paru membawa Kum Kum untok memburu beruang. Mereka menemui kesan2 beruang dan merasa yakin bahwa mangsa mereka ada berdekatan.

6.00 RENGKASAN BERITA

6.02 SESAME STREET

6.07 AZAN MAGHRIB

6.11 SESAME STREET — sambongan

6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM

7.10 DOKUMENTARI MELAYU — "Vanishing Africa" Burong2 nasar berterbangan di-angkasa. Singa2 dan harimau2 bintang kelihatan berkelahi dengan hebat-nya kerana "hak2 perbatasan". Kesemuanya di-gambarkan dalam renchana yang menyeronokkan ini mengenai kehidupan liar di-Afrika yang di-gambarkan di-tempat tersebut.

7.22 AZAN ISHA

7.26 DOKUMENTARI MELAYU — sambongan

7.40 LIFELINE

8.30 WARTA BERITA

8.45 MAJALLAH BRUNEI

9.05 KAZ — "Verdict In Department 12" Kaz menshakki hakim yang bengis yang menghakimkan kes kechurian besar2an sa-orang pelanggan-nya, berfikiran kurang waras, berikutan dengan keputusan yang di-buat dengan tergesa2 oleh pehak juri.

9.55 BIG LEAGUE SOCCER

10.45 TAYANGAN MALAM MINGGU : "For Love Of Ivy"

12.15 SIARAN TAMAT.

## AHAD — 11HB NOB.

PETANG

5.15 PEMBUKAAN

5.16 KORAN DAN MARI KITA BERDO'A

5.28 SUSUNAN RANCHANGAN

5.30 HANDFUL OF SONGS

5.45 OSCAR AND THE GREAT WOOFERO — "The Circus"

6.00 RENGKASAN BERITA

6.02 THE GREEN HORNET — "The Silent Gun" Sa-belum kejadian jenayah bermula, The Green Hornet chuba mematahkan kegiatan tembakan2 yang membahayakan.

6.07 AZAN MAGHRIB

6.11 THE GREEN HORNET — sambongan

6.30 SCIENCE INTERNATIONAL

6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM

7.10 MIXED BLESSINGS — "You haven't got much . . . .Have You?"

7.22 AZAN ISHA

7.26 MIXED BLESSINGS — sambongan

7.40 THE INCREDIBLE HULK — "Haunted"

8.30 WARTA BERITA

8.45 MARI MENARI

9.30 THE BASTARD — Kesah sa-orang pemuda anak luar nikah yang terpaksa melarikan diri ka-Kolonial Amerika di-mana ia terperangkap dalam usaha-nya untok mendapatkan kebebasan.

11.00 THE NEXT STEP BEYOND

11.30 SIARAN TAMAT.

## ISNIN — 12HB NOB.

PETANG

5.45 PEMBUKAAN

5.46 KORAN DAN MARI KITA BERDO'A

5.58 SUSUNAN RANCHANGAN

6.00 RENGKASAN BERITA

6.02 LITTLE HOUSE ON THE PRAIRIE — "Blind Man's Bluff"

6.07 AZAN MAGHRIB

6.11 LITTLE HOUSE ON THE PRAIRIE — sambongan

6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM

7.10 PERUBATAN

7.22 AZAN ISHA

7.26 PERUBATAN — sambongan

7.40 PETROCELLI — "The Sleep Of Reason"



SIDNEY Pottier dan Abbey Lincoln pelakun utama dalam cherita "For Love of Ivy" pada hari Sabtu jam 10.45 malam.

Sa-orang pelajar kolej menembak sa-orang pensharah yang melawat di-hadapan pelajar2 yang kengerian di-sa-buah bilek darjah — kemudian-nya memberitahu peguam yang membela, Petrocelli yang ia tidak ingat apa2 tentang pembunohan itu.

8.30 WARTA BERITA

8.45 MAJALLAH BRUNEI

9.05 VEGAS

9.55 POLDARK — Episod 8 Sa-waktu berjalan2 di-tebing tinggi, Hugh memberitahu Demelza bahawa ia akan menjadi buta. Tatkala Hugh memegang tangan Demelza ia membalas dengan perasaan yang berchampor adok di-antara chinta dan belas kasehan . . . . .

10.45 SIARAN TAMAT.

## SELASA — 13HB NOB.

PETANG

5.45 PEMBUKAAN

5.46 KORAN DAN MARI KITA BERDO'A

5.58 SUSUNAN RANCHANGAN

6.00 RENGKASAN BERITA

6.02 VISION ON

6.07 AZAN MAGHRIB

6.11 VISION ON — sambongan

6.30 BATTLE OF THE PLANETS — "The Sea Dragon"

6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM

7.10 SERIKANDI

7.22 AZAN ISHA

7.26 SERIKANDI — sambongan

7.40 THE HARDY BOYS — "Life On The Line"

8.30 WARTA BERITA

8.45 ARENA SOKAN

9.25 DOCUMENTARY : WORLD ABOUT US "Bushmen of the Kalahari"

10.15 KOJAK — "Chain of Custody" Kemarahan Kojak pada Peguam Daerah kerana membiarkan sa-orang pembunoh melepaskan diri dari hukuman kerana membunoh di-sebabkan oleh ketidak-chekapan Peguam Daerah, chukop untok menimbulkan kachau bilau.

11.05 SIARAN TAMAT.

## BANTUAN PENERBITAN

RADIO Talivishen Brunei berkehendakkan Pegawai Bantuan Penerbitan, yang akan bertugas sa-chara sambilan. Keutamaan akan di-beri kapada bekas2 penuntut (yang tidak bekerja dengan mana2 pehak masa ini), yang mempunyai kelulusan 'O' Level aliran Melayu atau Inggeris. Kefasehan bertutor dalam bahasa Inggeris menjadi satu kelebehan.

Para pemohon hendak-lah lulus menaip sakurang2-nya Perengkat Menengah. Tugas2 Bantuan Penerbitan ini ia-lah sa-bagai pembantu kapada penerbit ranchangan2 talivishen, antara-nya:

1. Menyediakan sekerip (menaip)
2. Bertugas di-Studio dan luar Studio (rakaman dan perfileman)
3. Mengurus segala keperluan dan kehendak Penerbit yang bersangkut-paut dengan ranchangan yang di-usahakan.
4. Sanggup bertugas pada bila2 masa yang di-kehendaki.

Satu kursus akan di-adakan dalam bulan Januari, 1980. Kursus tersebut akan di-kendalikan oleh sa-orang Pegawai dari luar negeri. Kursus Bantuan Penerbitan ini akan berjalan sa-lama tiga bulan. Sa-telah menjalani kursus, para pegawai bantuan penerbitan yang layak, akan di-ambil bertugas sa-chara sambilan di-Bahagian Penerbitan Ranchangan2 TV.

Sa-belum pemilehan atau pengambilan pegawai bantuan penerbitan ini, satu temuduga dan ujian menaip akan di-adakan terlebeh dahulu.

Sa-siapa yang ingin mengikuti kursus ini, dan ingin menjadi sa-bagai Bantuan Penerbitan sa-chara sambilan, sila-lah menulis surat kapada Ketua Ranchangan2 Radio Talivishen Brunei dengan menyertakan salinan sijil2 persekolahan dan menaip, surat beranak dan dua keping gambar (baru) yang berukoran paspot hendak-lah juga di-sertakan. Tarikh tutop ia-lah pada 15hb Disember, 1979.

## SISWAZAH BRUNEI MINGGU INI



**DAYANGKU Hajjah Hairani Pg Muda Kahar a Lecturer in Education from the Sultan Hassanal Bolkiah Teacher's College will be our guest in our weekly programme featuring Brunei Graduates. You can tune in to the programme at 12.45 pm tomorrow and the repeat will be on Sunday 11th November, 1979 at 8.00 pm.**

intisari RTB minggu ini



MINGGU ini siswazah undangan kami ia-lah Awang Metassan bin Momin, Pegawai Projek, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Bahagian Lembaga Kemajuan Ekonomi.

Beliau berjaya memperolehi ijazah Sarjana Muda Sastera dari Universiti Singapura pada tahun 1977.

Ikuti-lah ranchangan SISWAZAH BRUNEI pada 2hb Nobember jam 7.30 malam dan ulangan-nya pada hari Sabtu jam 1.00 tengahari.



**PENERBIT Ranchangan Radio Awang Mohd. Ali Majid menemuramah Pegawai Pemuleh Orang2 Chachat Awang Mohd. Yassin Said dalam meninjau kegiatan dan sumbangan belia2 chachat terhadap negara.**

**Temuramah itu di-siarkan dalam ranchangan Belia Zaman Ini, yang di-siarkan pada tiap2 hari Jumaat jam 2.00 petang.**

## Menyertai Apa Pilehan Awda

ORANG ramai yang ingin menyertai 'Apa Pilehan Awda' di-persilakan untok mengisikan borang penyertaan yang di-sediakan di-bawah ini, dan hantarkan kapada; Penerbit Apa Pilehan Awda, Bahagian Melayu Radio Talivishen Brunei, Brunei.

NAMA PENOH : ..........................................

I/C : ..........................................

ALAMAT : ..........................................

TALIPON : (jika ada) ..........................................

Tarikh : ..........................................

Tanda tangan pemohon,

..........................................



SANDRA Gould dan George Tobias sa-bagai pasangan Kravitzes, jiran sebelah rumah Elizabeth Montgomery dan Dick York dalam siri komidi kegemaran ramai "BEWITCHED". Episod malam ini berjodol "Weep No More".

JURU... menga... RTB ... perlu-... perken... hari in...

Si... My... me...

SIRI H... awda ... nya me... dapat ...

Sh... bagai ... bagai ... episod ... T... yang d... tok m... penjah... beri k... kumpo... nya da... ini chu... melaku... lam sa... Ga... Joe dal... dan p... Myster... The L... malam...

TAKIN... will be... gramme... can tun... in the ... Section...



...RA2 dan Pengelola2 Ranchangan Radio ...n satu mashuarat di-bilek mashuarat ...a2 ini untok membinchangkan soal2 ... kemudahan2 yang lebeh sesuai dengan ...gan dan kemajuan radio dalam dunia



PEGAWAI2 Ranchangan Radio, samada lelaki atau pun wanita-nya, di-samping membuat rakaman di-dalam Studio, mereka juga membuat rakaman di-luar Studio.

Kelihatan dalam gambar di-atas, Dayang Saloma Mahmud (kiri) sementara Dayang Jauyah Haji Jaya sedang menemuramah Dayang Norasiah Abdullah, sa-orang pengusaha bunga2an. Temuramah itu di-siarkan dalam ranchangan DUNIA WANITA, yang di-siarkan tiap2 hari Ahad.

## ... Hardy Boys ...steries kembali ...emui Awda

...y Boys Mysteries kembali menemui ...a hari Selasa jam 7.40 malam. Ia-...gantikan siri Flying High yang men-...mbutan hangat dari para peminat talivishen.

...n Cassidy memegang peranan sa-...e Hardy dan Parker Stevenson sa-...ank Hardy munchul semula dalam ...ang berjodol "Life On The Line". ... Hardy Boys sa-bagai penyiasat2 ...ugaskan oleh Jabatan Keadilan un-...dongi anak gadis sa-orang bekas ... Bapa Debbie Larkin chuba mem-...rangan terhadap lain2 ahli dalam ... jenayah-nya. Untok menghalang-...berbuat demikian, ketua kumpolan ... untok mencholek Debbie dengan ... sabotaj terhadap basikal-nya da-...perlawanan basikal.

...r kanan: Shaun Cassidy sa-bagai ...drama yang penoh dengan suspen ...rakan dalam siri "Hardy Boys ..." Episod kali ini berjodol "Life On ..." pada hari Selasa jam 7.40 minit





APABILA si-kechil Jordan Herzog (Ronnie Scribner) mendapat tahu dari ibu-nya (Maureen Lee) gambar atas bahawa ibubapa-nya berchadang untok bercherai, ia berpura2 mengidap sejenis penyakit yang serius supaya ibubapa-nya berbaik semula, dalam kesah "BLIND MAN'S BLUFF" dari siri LITTLE HOUSE ON THE PRAIRIE.



... in this week's edition of Two Away For No, with Pengiran Asmalee Pg Ahmad as the host, ...g Kambar Haji Damit and his wife, Carol, and Mr Wolston Leo and wife, Marjory. The pro-...be on the air this Sunday, 11th November 1979, at 1.00 pm, or should you miss it this weekend you ... its repeat on Tuesday evening, 13th November at 9.30 pm. If you are interested to take part ...me, you may ring up 23111 Ext 243, or write to: The Producer, Two Away For No, Engilsh

## The Incredible Hulk — "Haunted"

SA-LEPAS menjawab satu iklan bagi jawatan pemandu/penonggang kuda, Banner menolong sa-orang wanita muda berpindah ka-sebuah bandar baharu dan terus menolong-nya untok mengemas di-rumah itu yang telah di-tinggalkan-nya bertahun2 yang lalu sa-lepas saudara kembar-nya mati lemas. Banner berubah menjadi Hulk untok menyelesaikan plot yang ganjil di-mana gadis itu di-ranchangkan untok menghadapi nasib yang sama.



Gambar atas raksaksa berukoran 7 kaki, The Hulk dilakunkan oleh Lou Ferrigno dalam satu pemandangan dalam siri THE INCREDIBLE HULK berjodol "Haunted".

# Susunan ranchangan MINGGUAN RADIO

## RABU

PAGI: Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 7.05 — Pimpinan illahi; 7.10 — Dendang suria; 8.00 — Majallah sain dan perusahaan (SU); 8.30 — Chitra irama; 9.00 — Dendang antarabangsa; 9.30 — Cherpen dan salokan-nya; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Hiboran selingan; 10.30 — Ruangan muda mudi; 11.00 — Hiboran; 11.30 — Autograph pendengar. **T/HARI**: 12.00 — Ku sampaikan salam — Azan dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Tahu kah awda ?; 1.30 — Sekitar masharakat (SU). **PETANG**: 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. 5.02 — Harian radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Irama di-senja; 6.00 — Tafsir Al-Koran (SU) — Azan fardhu magrib dan bachaan ayat2 suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM**: 7.00 — Permintaan parajurit — Azan fardhu isha; 7.30 — Sekolah ka-sekolah (SU); 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 8.15 — Berita2 tempatan dalam Bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Mengenang zaman silam; 9.00 — Terima-lah sampul surat/Dari bengkel penulis; 9.30 — Usaha jaya; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita; 10.05 — Pimpinan illahi; 10.10 — Senandong malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## KHAMIS

PAGI: Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 7.05 — Pimpinan illahi; 7.10 — Dendang suria; 8.15 — Rampaian London (SU); 8.30 — Dendang antarabangsa; 9.30 — Varia Peristewa (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15—Hiboran selingan; 10.30—Teman mekar (SU); 11.00—Usaha Jaya (SU); 11.30—Dari Kampong ka-kampong. **T/HARI**: 12.00 — Selingkar madah — Azan fardhu dzohor; 12.15 — Hiboran rampaian tengah hari; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Kisah dan tauladan; 1.30 — Tunas harapan. **PETANG**: 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. 5.03 — Harian radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Siri mukkadam; 6.00 — Mari berzikir — Azan fardhu magrib, di-ikuti dengan bachaan ayat2 suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM**: 7.00 — Hidayat — Azan fardhu isha; 7.30 — Permainan gambus; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 8.15 Berita2 tempatan dalam Bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Mari berpantun (SU); 9.00 — Sandiwara radio; 9.30 — Tahukah awda? (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita; 10.05 — Pimpinan illahi; 10.10 — Senandong malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## JUMAAT

PAGI: Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 7.05 — Pimpinan illahi; 7.10 — Dendang suria; 7.45 — Siri mukkadam (SU); 8.00 — Pertanian dan perikanan; 8.30 — Pelajaran dewasa di-udara; 9.00 — Apa pilehan awda; 9.30 — Tafsir Al-Koran; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.10 — Apa pendapat awda; 10.30 — Kursus Al-Koran; 11.00 — Peristewa Dalam Sa-minggu; 11.30 — Tunas Pendidek. **T/HARI**: 12.00 — Permainan gambus; 12.30 — Menunaikan sembahyang fardhu Jumaat siaran langsong dari Masjid Omar Ali Saifuddin; 1.15 — Irama padang pasir; 1.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.45 — Selingan irama. **PETANG**: 2.00 — Untok Belia; 2.30 — Suara dari bintang2; 3.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 3.10 — Soalan di-udara; 3.30 — Mutika 79 — Azan untok fardhu asar; 4.00 — Suara dari pusat tingkatan enam; 4.30 — Di-bumi bertuah; 5.00 — Harian radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Suntingan Khutbah Jumaat; 6.00 — Irama lagu asli — Azan untok fardhu magrib, di-ikuti dengan bachaan ayat2 suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM**: 7.00 — Cherpen dan Salokannya — Azan fardhu isha; 7.30 — Brunei Graduates; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 8.15 — Berita2 tempatan dalam Bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Kisah dan tauladan (SU); 9.00 — Autograph pendengar; 9.30 — Chitrawara; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita; 10.05 — Pimpinan illahi; 10.10 — Senandong malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

### APA PILEHAN AWDA



DAYANG Halimah binte Abdul Wahab, No. 7, Kampong Sungai Kedayan 'B' (gambar atas) akan memileh lagu2 dalam ruangan Apa Pilehan Awda minggu ini.

Lagu2 pilehan Dayang Halimah akan dapat awda dengar melalui Radio Brunei pada hari Jumaat 9hb Nobember, 1979 jam 9.00 pagi.

## SABTU

PAGI: Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 7.05 — Pimpinan illahi; 7.10 — Dendang suria; 8.00 — Apa pendapat awda (SU); 8.15 — Dendang antarabangsa; 9.30 — Chitrawara (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.10 — Selingan irama; 10.30 — Panorama radio (SU); 11.00 — Majallah shell (SU); 11.30 — Suara dari bintang2 (SU). **T/HARI**: 12.00 — Ku sampaikan salam — Azan fardhu dzohor; 12.30 — Hiboran rampaian tengah hari; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00—Brunei Graduates (SU); 1.30— Ruangan Bertutoran. **PETANG**: 2.00—Siaran Melayu berhenti rehat. 5.03 — Harian radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Buloh perindu — Azan magrib, di-ikuti dengan bachaan ayat2 suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM**: 7.00 — Chitra irama (SU) — Azan isha; 7.30 — Tunas harapan (SU); 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 8.15 — Berita2 tempatan dalam Bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Selingkar madah (SU); 9.00 — Bertuturan; 9.30 — Suara pusat tingkatan enam (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita; 10.05 — Pimpinan illahi; 10.10 — Senandong malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## AHAD

PAGI: Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 7.05 — Pimpinan illahi; 7.10 — Dendang suria; 8.00 — Mastika radio; 8.30 — Dunia wanita; 9.00 — Keluarga si-awang; 9.30 — Taman mekar; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Surat dari London; 10.30— Hello Siapa di-sana; 11.00 — Bengkel penulis/Terima sampul surat; 11.30 — Sekolah ka-sekolah. **T/HARI**: 12.00 — Sandiwara radio; 12.15 — Azan fardhu dzohor; 12.30 — Rampaian tengah hari; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Pesta ria/Persembahan pancharagam; 1.45 — Ruangan ketani. **PETANG**: 2.15 — Suara Pulis Diraja; 3.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 3.10 — Mari Berpantun—Azan asar; 3.46—Mengenang Zaman Silam; 4.00—Arena Sokan; 4.30—Majallah shell; 5.00—Harian radio; 5.30—Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45—Komintar radio; 6.00—Buloh perindu (SU)—Azan magrib; di-ikuti dengan bachaan ayat2 suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM**: 7.00 — Suara parajurit — Azan isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 8.15 — Berita2 tempatan dalam Bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Sekitar masharakat; 9.00 — Keluarga jaya; 9.30 — Mari berzikir (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.05 — Pimpinan illahi 10.10 — Senandong malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## ISNIN

PAGI: Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 7.05 — Pimpinan illahi; 7.10 — Dendang suria; 8.00 — Peristewa dunia minggu ini; 8.30 — Dendang antarabangsa; 9.30 — Sain dan perusahaan; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Berdendang dengan ku; 10.30 — Suara parajurit (SU); 11.30 — Dari jiran tetangga. **T/HARI**: 12.00 — Komintar radio (SU) — Azan dzohor; 12.30 — Hiboran rampaian; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Keluarga jaya (SU); 1.30 — Dendang asli. **PETANG**: 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. 5.03 — Harian radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Irama di-senja — Azan magrib diikuti dengan bachaan ayat2 suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM**: 7.00 — Arena sokan (SU) — Azan isha; 7.30 — Keluarga si-awang (SU); 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 8.15 — Berita2 tempatan dalam Bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Tamu minggu ini; 9.00 — Pertanian dan perikanan (SU); 9.30 — Seminggu dalam kenangan; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita; 10.05 — Pimpinan illahi; 10.10 — Senandong malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## SELASA

PAGI: Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 7.05 — Pimpinan illahi; 7.10 — Dendang suria; 8.00 — Dunia wanita (SU); 8.30 — Varia peristewa; 8.45 — Dendang antarabangsa; 9.45 — Rampaian London; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.05 — Senandong ria; 10.30 — Sa-minggu dalam kenangan (SU); 11.00 — Mastika radio (SU); 11.30 — Pop Science music. **T/HARI**: 12.00 — Ku sampaikan salam — Azan fardhu dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Tamu minggu ini; 1.30 — Pelajaran dewasa di-udara (SU). **PETANG**: 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. 5.02 — Harian radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Persembahan anika instrumental — Azan fardhu magrib, di-ikuti dengan bachaan ayat2 suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM**: 7.00 — Ruangan ketani (SU) — Azan untok fardhu isha; 7.30 — Salam dari ku; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 8.15 — Berita2 tempatan dalam Bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Lambaran Dalam Sa-minggu; 9.00 — Chator (SU); 9.15 — Di-bumi bertuah (SU); 9.45 — Senandong Asli; 10.00—Tanda Waktu dan Rengkasan Berita; 10.05 — Pimpinan illahi; 10.10 — Senandong malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

# RANCHANGAN RADIO BAHAGIAN INGGERIS

## WEDNESDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Lunch Music. NOON: 12.00 — Melody Time. PM: 12.30 — News; 12.45 — International Money Programme; 1.00 — Brunei's Top Seven by Sheikh Abbas; 1.30 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — What's Wrong With Me Doctor ? (repeat); 8.15 Midweek Greetings by Jaafar Yaakub; 8.45 — Dateline; 9.15 — News; 9.30—Shape of the Future (repeat); 10.00 — Close Down.

## THURSDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Thursday's Bandwagon . . . 11.45 — World of Education. NOON: 12.00 — My Music. PM: 12.30 — News; 12.45 — Brunei Graduate produced by Viviyanti Ali; 1.15 — In Search of the Curious by Jan Ong produced by Veronica Shim; 1.30 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Theatre Forty-Five "Bandstand" by Derek Raby; 8.45 — Those were the days — by Jaafar Yaakob; 9.15 — News; 9.30 — Popular Classics — Programme 2: Preclassical by Hajjah Zainah; 10.00 — Close Down.

## FRIDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — The General Paper — Programme 14: "Culture". NOON: 12.00 — Radioscope produced by Viviyanti Ali. PM: 12.30 — News; 12.45 — The Practical World; 1.00 — Inter School Debates — produced by Tajul Ahmad; 1.30 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — The General Paper — Programme 14: "Culture" (repeat); 9.00 — Rock Line; 9.15 — News; 9.30 — Sheikh Abbas Calling On You; 10.00 — Close Down.

## SATURDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — A Hundred Years of Dance Music Programme 7: "Berlin in the Thirties"; 11.30 — International Call. NOON: 12.00 — Women's World by Charan Chand. PM: 12.30 — News; 12.45 — BBC World Report; 1.00 — Just for Variety produced by Sheikh Abbas; 1.30 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Saturday Mail Bag presented by Charan Chand; 9.00 — Book Club — Five Round about to heaven by John Bingham episode 1/10; 9.15 — News; 9.30 — Top of The Pop; 10.00 — Close Down.

## SUNDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Children's Half Hour by Veronica Shim; 11.30 — The General Paper — Programme 15: "The Main attraction of popular music is simply mass Hysteria" Is this a fair comment ? PM: 12.30 — News; 12.45 — What's Wrong With Me Doctor ? by Bob Kay; 1.00 — "Two Away For No" by Nafisah Haji Ali; 1.30 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Brunei Graduate (repeat); 8.30 — Perspective; 8.45 — The Young Sound by Tajul Ahmad; 9.15 — News; 9.30 — Sunday Night Special with Ideris Ali; 10.00 — Close Down.

## MONDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Music-Go-Round; 11.30 — Hello Tomorrow. NOON: 12.00 — Steptoe and Son. PM: 12.30 — News; 12.45 — Science Potpourri produced by Charan Chand; 1.15 — Paul Mauriat and his Orchestra; 1.30 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — The General Papar — Programme 15: "The Main attraction of popular music is simply mass Hysteria" Is this a fair comment? (repeat); 9.00 — Light Music From Netherlands; 9.15 — News; 9.30 — Monday's Night Mail by Ak. Hisamuddin Pg Yaakub; 10.00 — Close Down.

## TUESDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — BBC Sports Magazines; 11.15 — Housewives' Special; 12.15 — Shapes of the Future by Viviyanti Ali. PM: 12.30 — News; 12.45 — Behind the News by Jaafar Yaakub; 1.15 — Nice to Meet You by Ideris Ali; 1.30 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Stereo Pop Special Loudon Wainright III; 8.30 — Radioscope (repeat); 9.00 — Your World; 9.15 — News; 9.30 — "Two Away For No" (repeat); 10.00 — Close Down.

### THE GENERAL PAPER SERIES (ENGLISH SECTION)

The General Paper — Programme 14 — Friday 9.11.79
Title: "Culture"
Repeat Broadcast of Programme 14 — Friday 9.11.79 at 8.00—9.00 pm
The General Paper — Programme 15 — Sunday 11.11.79
Title: "The Main Attraction of Popular Music is simply mass Hysteria" Is this a Fair Comment ?
Repeat broadcast of programme 15 — Monday 12.11.79 at 8.00-9.00 pm.



PENOLONG Pegawai Daerah Tutong, Awang Adnan bin Haji Khanafiah menyampaikan oskar kejohanan kapada ketua pasokan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin (Junior).

# Peraduan Bahas: SOAS [J] tewaskan Perdana Wazir

PEKAN TUTONG.—Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin (J) dari Bandar Seri Begawan telah menjadi johan dalam pertandingan akhir bahas sekolah2 menengah bawah dan maktab2 kali kesembilan sa-telah tiga orang peserta lelaki maktab itu berjaya menewaskan peserta dari Sekolah Inggeris Perdana Wazir, Kuala Belait.

Pertandingan bahas dalam bahasa Melayu itu yang di-langsongkan di-Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim, Tutong di-sini pagi Rabu, 31hb Oktober, lepas telah di-rasmikan oleh Awg Ahmad Bukhari bin Pehin Siraja Khatib Abu Hanifah Pegawai Pentadbir Jabatan Pelajaran.

Di-samping Maktab SOAS (J) johan dalam bahagian lelaki, Sekolah Inggeris Sufri Bolkiah pula telah johan dalam bahagian perempuan sa-telah pesertanya berjaya mengalahkan peserta dari Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan, Jalan Muara.

Sementara dalam pertandingan bahas bahasa Inggeris di-tempat yang sama Sekolah Inggeris Sufri Bolkiah telah bertemu dengan Sekolah St Andrew's dari Bandar Seri Begawan dalam kedua-dua bahagian lelaki dan perempuan.

Dalam bahagian lelaki Sekolah St Andrew's berjaya mengalahkan Sekolah Inggeris Sufri Bolkiah manakala dalam bahagian perempuan Sufri Bolkiah mengalahkan St Andrew's.

Pertandingan bahas itu ada-lah anjoran Bahagian Latehan Kesenian Jabatan Pelajaran sa-bagai projek tahunan-nya. Hadiah2 kapada peserta mengambil bahagian telah di-sampaikan oleh Awang Adnan bin Haji Khanafiah, Penolong Pegawai Daerah Tutong di-akhir pertandingan itu.

Terdahulu dari itu dalam peraduan bahas perengkat akhir antara sekolah2 menengah atas dan maktab sanegeri telah juga berlangsong di-Dewan Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan, Sekolah Sains disini pada hari Selasa 30hb Oktober yang baru lalu.

Peraduan tersebut telah di-rasmikan oleh Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Awang Mahmud bin Hj Bakyr.

Sa-banyak empat perlawanan telah di-jalankan bagi lelaki dan perempuan ia-itu dalam bahagian Melayu dan Inggeris.

Dalam peraduan bahas bahasa Melayu lelaki johan telah di-menangi oleh Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin dari Bandar Seri Begawan sa-telah mengalahkan Maktab Anthony Abell, Seria.

Tajok perbahasan dalam bahagian ini ia-lah "Pengaroh asing lebeh banyak membawa keburokan daripada kebaikan pada belia2 kita dewasa ini".

Manakala dalam bahagian perempuan pula ia-nya telah di-menangi oleh Sekolah Inggeris Sufri Bolkiah Tutong sa-telah berjaya mengalahkan Sekolah Menengah Melayu Ahmad Tajuddin, Kuala Belait dengan tajok perbahasan "Maju dan mundor-nya negara ada-lah di-pertanggong-jawabkan oleh pehak lelaki dan bukan-nya pehak wanita".

Sementara dalam peraduan yang sama bagi sekolah2 menengah atas bahagian Inggeris juga bahagian lelaki telah di-menangi oleh Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin (S) sa-telah menewaskan Maktab Anthony Abell Seria.

Sekolah St Andrew's dari Bandar Seri Begawan pula telah berjaya menjadi johan dalam bahagian perempuan sa-telah mengalahkan Maktab Anthony Abell, Seria.

Hadiah2 kapada pemenang2 telah di-sampaikan oleh Awang Abd Hamid bin Ismail, Pegawai Pentadbir Kanan, Jabatan Pelajaran.

# Harga barang2 keperluan

SAPERTI biasa di-bawah ini di-chatetkan beberapa jenis barang2 keperluan sa-hari2 yang didapati di-jual dengan harga yang lebeh sederhana rendah di-kedai2 Bandar Seri Begawan, Kuala Belait dan Seria. Ada-lah di-ingatkan kapada orang ramai bahawa harga barang2 yang berikut di-bawah ini bermula bagi minggu 31hb Oktober, 1979.

BANDAR SERI BEGAWAN:

1. PUSU KERING — $3.80 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut:—
   Lam Seng, No. 3, Jalan McArthur.
2. KACHANG KUDA — $1.40 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut :—
   Liong Yu Company, No. 58, Jalan Sultan.
3. MEAT CURRY POWDER 340g (Chap Rusa) — $1.60 sa-tin boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
   a) Chop Chin Seng, No. 107, Jalan Chevalier.
   b) Ming Thai Company, No. 32, Jalan Sultan.

KUALA BELAIT:

1. PUSU KERING — $4.00 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut:—
   Sia Heng Hong, No. 31-B, Jalan Sungai.
2. KACHANG KUDA — $1.70 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut : —
   Sharikat M. Haji, No. D-2 Bangunan Dewan Perdagangan China.
3. MEAT CURRY POWDER 340g (Chap Rusa) — $1.60 sa-tin boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
   a) Choo Seng, No. 20, Jalan Pretty.
   b) Yun Seng Supermarket, No. 84, Jalan Bunga Raya.
   c) Chop Kim Ming, Bangunan Foo Chow.

SERIA:

1. PUSU KERING — $4.40 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
   a) Chop Kun Mee, No. 6, Jalan Sultan Omar Ali.
   b) Chop Yick Hoe, No. 7, Jalan Sultan Omar Ali.
2. KACHANG KUDA — $1.60 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut : —
   Haji C. A. Mohammed, No. 51, Jalan Bunga Kuning.
3. MEAT CURRY POWDER 340g (Chap Rusa) — $1.65 sa-tin boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
   a) Choo Heng & Company, No. 30, Jalan Sultan Omar Ali.
   b) Wong Wah Seng Trading, No. 37, Jalan Bunga Kenanga.

# Hari Dokumantasi Pendidekan TABIKA

BANDAR SERI BEGAWAN.—Hari Dokumantasi Pendidekan I Sekolah TABIKA Nusa Laila Puteri merupakan hari terbuka atau Hari Pelajar sekolah tersebut akan di-langsongkan di-Dewan Bahasa dan Pustaka di-sini, pada 11hb Nobember, 1979 mulai jam 9.00 pagi hingga 5.30 petang.

Hari tersebut akan dirasmikan oleh Pemangku Pengetua Maktab Perguruan Hassanal Bolkiah Gadong, Awang Abd Ghani bin Bujang. Gambar bawah menunjokkan Pengetua TABIKA, guru dan sa-bahagian penuntut2-nya bergambar ketika persediaan2 Hari Dokumantasi sedang di-susun dengan rapi-nya.

Penasehat dan Ketua Pentadbir TABIKA Nusa Laila Puteri, Pengiran Amir Mohd Yussof bin Pengiran Haji Abbas, menyeru kapada para ibubapa serta parawali murid2 supaya akan dapat bersama2 menjayakan hari tersebut.

Salah satu tujuan hari tersebut ia-lah mendedahkan segala kegiatan dan peristewa segala usaha kreatif kanak2 di-Taman Bimbingan itu di-samping mengadakan pameran2 peralatan yang di-gunakan bagi mendidek kanak2.

Para ibubapa ada-lah dijemput hadhir untok menyaksikan bahan saperti lukisan, tulisan2, buku2 kanak2 dan hasil kerjatangan mereka itu.

Di-hari itu para ibubapa juga akan berkesempatan untok menyaksikan pertunjokan mengajar yang dilakukan oleh para pendidek di-Taman Bimbingan itu disamping akan dapat berdailog dengan para guru anak2 mereka.

Ada-lah juga di-fahamkan Sekolah TABIKA itu juga akan mengadakan Pesta Pendidekan bagi kali yang ke-empat yang akan di-adakan dalam bulan Desimber depan.



PENGETUA TABIKA Nusa Laila Puteri bergambar ramai dengan murid2 di-Taman Bimbingan itu.

# Jadual lawatan Perpustakaan Bergerak bagi 10hb hingga 14hb Nob. 1979.

| TEMPAT PERSINGGAHAN | TARIKH | HARI | MASA |
|---|---|---|---|
| Sekolah Melayu Birau | 10.11.1979 | Sabtu | 1.30– 2.30 petang |
| Sekolah Melayu Kiudang | 10.11.1979 | Sabtu | 2.45– 3.45 „ |
| Sekolah Melayu Lamunin | 10.11.1979 | Sabtu | 4.00– 5.00 „ |
| Sekolah Inggeris Berakas (Bhg. Rendah) | 12.11.1979 | Isnin | 2.00– 3.00 „ |
| Berhadapan Kedai, Kampong Perpindahan | 12.11.1979 | Isnin | 3.30– 4.30 „ |
| Sekolah Melayu Orang Kaya Besar Imas, Subok | 13.11.1979 | Selasa | 8.30– 9.30 pagi |
| Sekolah Melayu Datu Mahawangsa, Lambak | 13.11.1979 | Selasa | 10.30–11.30 „ |
| Sekolah Melayu Serasa | 14.11.1979 | Rabu | 10.00–10.30 pagi |
| Sekolah Melayu Mentiri | 14.11.1979 | Rabu | 10.45–11.15 „ |
| Sekolah Melayu Sultan Abdul Bubin, Sungai Besar | 14.11.1979 | Rabu | 11.30–12.00 T/Hari |

# BAFA PILEH AHLI2 J-KUASA YANG BARU

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan Bolasepak Amator Negeri Brunei (BAFA) telah mengadakan mashuarat agong-nya baru2 ini.

Mashuarat tersebut adalah bertujuan untok memileh Ahli2 Jawatankuasa Majlis-nya yang baru bagi tahun 1979/1981.

Berikut ia-lah ahli2 jawatankuasa Majlis BAFA yang baru di-lantek.—

Yang Dipertua — Pengiran Idris bin Pengiran Temanggong Sahibol Bahar Pengiran Haji Mohammad, Naib2 Yang Dipertua — YAM Pengiran Penggawa Laila Bentara Istiadat Diraja Dalam Istana Pg Haji Mokhtar Puteh bin Pg Haji Rajid dan Pengiran Alihassan bin Pg Dato Haji Abbas.

Setia Usaha Agong Pentadbiran — Awang Ibrahim bin Pehin Dato Haji Johari, Setia Usaha Agong Perlawanan Awang Hj Ismail bin Haji Ibrahim, Bendahari Agong Awang Haji Hussain bin Zainal dan Penolong Bendahari Agong Dato Haji Abu Zar bin Abu Bakar.

Pendaftar — Awang Md Noor bin Abdullah, Penolong Setia Usaha Agong — Awang Md Yussof bin Bakar, sa-orang wakil daripada tiap2 Persatuan Bolasepak Daerah dan sa-orang wakil daripada Persatuan Pengadil Bolasepak Brunei.

Selain dari itu mashuarat telah juga bersetuju melantek 10 orang lagi menjadi ahli2 jawatankuasa biasa. Mereka2 ia-lah:—

YAM Pengiran Sanggamara Diraja Lieutenant Colonel Pg Ibnu Pg Datu Penghulu Pg Haji Apong, Awang Mohd Hussain bin Haji Mohammad, Awang Mutalib bin Haji Idris, Awang James Chong, Awg Abd Hamid bin Momin, Awang Stephen Liew, Awg Osman bin Haji Ghazali, Wakil Majlis Sokan Askar Melayu Diraja Brunei, Wakil Majlis Sokan Pulis Diraja Brunei dan Wakil Majlis Sokan Jabatan Pelajaran.



SATU majlis penyampaian hadiah kapada para pemenang dalam perlawanan chator anjoran Persatuan Chator Brunei telah di-adakan minggu lalu di-Pusat Belia di-ibu negeri.

Majlis tersebut telah di-laksanakan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Perdana Cheteria Laila Diraja Sahibon Najabah Pengiran Haji Damit.

Kelihatan johan dalam kumpolan satu, Awangku Mohammad Limbang bin Pengiran Laila Wijaya Pengiran Haji Yusof sedang menerima hadiah-nya dari Yang Amat Mulia.



SATU daripada perlawanan chator terbuka berkumpolan sa-belum penyampaian hadiah2 di-jalankan.

## Kejohanan bolasepak Sekolah2 Sa-negeri

KUALA BELAIT. — Pasokan Champoran Sekolah2 Daerah Brunei-Muara telah berjaya mengalahkan Pasokan Champoran Sekolah2 Daerah Belait dengan jaringan tiga gol berbalas dua dalam perlawanan akhir bolasepak perengkat sa-negeri bagi penuntut2 berumor 18 tahun ka-bawah.

Perlawanan tersebut ada-lah di-anjorkan oleh Bahagian Latehan Jasmani Jabatan Pelajaran Brunei dan di-adakan minggu lalu bertempat di-Padang KBRC di-sini.

Dua daripada gol2 yang di-menangi oleh pasokan yang menang telah di-jaringkan dalam sa-paroh masa pertama manakala yang satu lagi dalam sa-paroh masa kedua. Sementara kedua2 gol bagi pasokan yang kalah ada-lah di-jaringkan dalam sa-paroh masa kedua.

Tahun lalu kejohanan tersebut telah di-menangi oleh Pasokan Champoran Sekolah2 Daerah Belait.

Hadiah yang berupa oskar rebutan dari Pegawai Daerah Brunei Muara telah di-sampaikan oleh Pemangku Pegawai Daerah Belait, Pengiran Idris Ibni Al-Marhum Pengiran Temanggong Pengiran Haji Muhammad.

Sementara dalam satu lagi perlawanan yang sa-rupa bagi penuntut2 yang berumor 16 tahun ka-bawah yang telah di-jalankan di-Padang Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim Tutong, Pasokan Champoran Sekolah2 Daerah Belait telah berjaya mengalahkan Pasokan Champoran Sekolah2 Daerah Brunei-Muara.

Ada-lah di-fahamkan yang Jabatan Kebajikan Belia dan Sokan melalui usaha Jabatan Pelajaran telah pun memileh beberapa orang pemain yang berumor 16 tahun ka-bawah untok mewakili negeri ini ka-perlawanan Piala Lion City Kali Ketiga yang di-anjorkan oleh Persatuan Bolasepak Singapura.

Perlawanan tersebut ada-lah merupakan kali kedua buat Brunei menyertai-nya.

Bagi perlawanan untok penuntut2 yang berumor 13 ka-bawah masing2 daerah sedang pun menjalankan perlawanan antara sekolah2 bagi memileh pemain yang akan mewakili ka-perengakt sa-negeri yang di-jangka di-adakan pada 5hb Disember depan.

BELIA DAN SOKAN

## Brunei-Muara menangi kejohanan Ping-Pong Sekolah2 Menengah dan Maktab2

SERIA. — Daerah Brunei-Muara telah berjaya mengondol kejohanan dalam bahagian lelaki dan perempuan dalam perlawanan Ping Pong antara sekolah2 menengah dan maktab2 perengkat sa-negeri yang telah berlangsong di-Sekolah Menengah Chung Ching di-sini minggu lalu.

Sa-banyak 18 buah sekolah2 menengah dan maktab2 di-seluroh negeri telah mengambil bahagian dalam perlawanan tersebut.

Johan lelaki dalam bahagian sekolah2 menengah atas ia-lah Pusat Tingkatan Enam Jalan Gadong manakala dalam bahagian perempuan pula ia-lah Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri.

Dalam bahagian sekolah2 menengah bawah Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin (Menengah Bawah) telah menjadi johan dalam bahagian lelaki dan dalam bahagian perempuan pula ia-lah Sekolah Menengah Chung Hwa.

Hadiah2 kemenangan telah di-sampaikan oleh Nazir Sekolah2 Rendah Daerah Belait, Awang Wong Siew Ming.

Sementara dalam satu lagi perlawanan yang di-anjorkan oleh Persatuan Ping Pong Amator Negeri Brunei (gambar kanan) yang di-adakan terdahulu dari itu bertempat di-Dewan Sekolah Menengah SMJA di-ibu negeri, Pasokan Bee Motor telah berjaya menjadi johan setelah berjaya mengalahkan Pasokan pehak penganjor (BATTA).

Perlawanan tersebut adalah merupakan perlawanan berpasokan khas bagi pemain2 di-kawasan daerah Brunei Muara dan di-anjorkan buat pertama kali sempena menyambut Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Dipertuan Negeri yang Ka-33 tahun.

Sa-banyak 13 buah pasokan telah mengambil bahagian sejak perlawanan itu bermula pada bulan Julai lalu yang mana mengambil tempat di-Dewan Sekolah Melayu Pusar Ulak di-Bandar Seri Begawan.

Hadiah2 telah di-sampaikan oleh Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Perayaan, Awang Abd Hamid bin Ismail.



# PERTUNJOKAN PERTANIAN DI-DAERAH TEMBURONG



PERTUNJOKAN Pertanian Daerah Temburong telah di-adakan pada 28hb Oktober yang lalu. Pertunjokkan kali ke-sembilan itu di-anjorkan oleh Jabatan Pertanian sa-bagai projek tahunan-nya.

Pertunjokan yang berthemakan "Mempelbagaikan Chorak Pertanian Untok Memenohi Keperluan Sa-tempat" itu telah di-rasmikan oleh Pegawai Daerah, Awang Haji Yaakub bin Haji Ahmad (gambar kiri).

Sa-telah menghakimkan barang pertunjokan (gambar bawah kiri), Awang Haji Yaakub dan lain2 pegawai2 kanan dan orang ramai telah menyaksikan barang2 pertunjokan yang mengandongi hasil pertanian dan ternakan dan lain2 (gambar kanan).

Awang Haji Yaakub juga telah menyampaikan hadiah2 kapada pemenang2 terbaik dalam pertunjokan tersebut (gambar bawah kanan) sementara (gambar bawah tengah) kelihatan Awang Kalat bin Sayang dari Kampong Senukoh, pemenang terbaik dalam bahagian padi dan beras.









# Lima buah lagi kereta perisai untok pasokan AMDB

BANDAR SERI BEGAWAN. — Lima buah lagi kereta perisai tiba untok Askar Melayu Diraja Brunei. Tiga buah dari-nya ia-lah jenis Scorpion dan dua jenis Sultan. Kereta2 perisai itu tiba pada 25hb Oktober yang lalu.

Dengan ketibaan kereta2 perisai itu Pasokan Peninjau Askar Melayu Diraja yang di-tempatkan di-Perkhemahan Tutong kini mempunyai lapan buah kereta perisai — lima jenis Scorpion dan dua jenis Sultan. Kereta perisai yang pertama telah tiba dalam bulan Februari yang lalu.

Kereta perisai jenis Scorpion ini boleh bergerak sa-laju 60 batu sa-jam di-atas jalanraya yang rata. Di-samping itu ia-nya juga boleh bergerak di-kawasan2 paya, bukit-bukau, pasir, tanah lumpur dan di-tempat2 kawasan yang sukar untok di-lalui atau di-jalani oleh kenderaan biasa.

Bagi kereta perisai jenis Sultan pula tidak ada beza-nya dengan jenis Scorpion, hanya ia-nya lebeh tinggi dan boleh memuat lima orang. Kereta perisai jenis ini akan di-gunakan dalam latehan sa-bagai pemerentah dan ia-nya boleh juga berjalan sa-laju 60 batu sa-jam.

Ada-lah di-fahamkan, Askar Melayu Diraja Brunei juga telah memesan sa-banyak 13 buah lagi kereta perisai jenis Scorpion dan sa-buah jenis Samson yang di-jangka akan tiba dalam tahun depan.





SALAH sa-buah kereta perisai jenis Sultan ketika di-turunkan dari kapal sementara di-sebelah kiri pula kelihatan tiga buah kereta perisai jenis Scorpion yang tiba pada 25hb Oktober yang lalu.

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## DI-PEJABAT DAERAH BRUNEI DAN MUARA

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawa-tan2 kosong yang berikut di-Pejabat Daerah Brunei dan Muara, Brunei.

1. FORMAN MEKINIK KANAN :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Pemohon2 mesti-lah ber-umor antara 30 hingga 45 tahun dan lulus Sijil Ren-dah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengan-nya.

b) Mempunyai sekurang2-nya 7 tahun pengalaman be-kerja sa-bagai Mekinik kenderaan bermotor darat dan laut, boleh memandu kenderaan berat di-antara 3 hingga 10 ton.

c) Mempunyai sifat2 pemim-pin dan sekurang2-nya 5 tahun pengalaman mengawas dan mengator tugas2 pekerja.

d) Mempunyai sijil kelulusan sekolah pertukangan dari-pada badan2 yang di-ikti-raf oleh Kerajaan.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji C.2 EB.3 — $1071 - 1109 - 1148 - 1186 - 1224-1275 - 1326 - 1377 - 1428/ EB/1479-1530-1581-1632-1683.

2. PENYELENGGARA SETOR TINGKATAN III :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Pemohon2 mesti-lah ber-umor tidak kurang dari 18 tahun.

b) Lulus sekurang2-nya Ting-katan III Melayu atau yang sebanding dengan-nya.

c) Mempunyai pengetahuan dalam kerja2 Penyeleng-gara Setor.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji E. 1-2-3 EB. 4 — $357-370-383-395-408-421-434-446-459-472-485 - 497-510-523 /EB/ 536-548-561-574-587-599.

3. TALIPONIS :
(Perempuan)

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Chalon2 mesti-lah berumor tidak kurang dari 18 ta-hun.

b) Chalon2 hendak-lah lulus sekurang2-nya Tingkatan II Melayu atau yang se-banding dengan-nya.

c) Chalon2 yang tidak mem-punyai kelulusan yang di-nyatakan di-(b) di-atas, tetapi telah berkhidmat de-ngan Kerajaan tidak ku-rang dari lima tahun serta mempunyai pengalaman dalam kerja2 operator tali-pon atau pernah mengikuti kursus dari operator talipon da-lam negeri boleh-lah juga di-pertimbangkan.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji E. 1-2-3 EB. 4 — $357-370-383-395-408-421-434-446-459-472-485 - 497 - 510-523 /EB/ 536-548-561-574-587-599.

Sa-seorang yang sedang ber-khidmat dengan Kerajaan hen-dak-lah menghantar permohon-an-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan ber-sama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kem-balikan bersama2 dengan salin-an surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 16hb Disember, 1979.

(E/891/79—Bil : 164/1979)

## Sa-bagai Pemandu Tingkatan Khas

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawa-tan kosong sa-bagai Pemandu Tingkat Khas di-Jabatan Pener-bangan Awam, Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Pemohon2 mesti-lah mem-punyai pengalaman memandu sa-lama 10 tahun dan mempu-nyai lesen memandu Kelas V dan VI dengan tidak pernah di-dakwa kerana kesalahan me-mandu. Mereka mesti-lah bo-leh membaiki kerosakan2 ke-chil.

**Tugas2 :**

Chalon2 yang berjaya mesti-lah bersedia untok memandu kenderaan yang berat dan mini bas dan bersedia bertugas ber-gilir2 sa-panjang waktu Lapa-ngan Terbang Antarabangsa di-gunakan.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji E. 2-3 EB 4 — $ 408-421-434-446 - 459-472-485-497-510-523 / EB / 536-548-561-574-587-599.

Sa-seorang yang sedang ber-khidmat dengan Kerajaan hen-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hen-dak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kem-balikan bersama2 dengan sa-linan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 29hb Nobem-ber, 1979.

(E/1855/76 — Bil : 159/1979)

## Sa-bagai Pengajar Teknikal Kanan

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan untok memenohi jawatan2 kosong sa-bagai Pe-ngajar Teknikal Kanan (Radio, TV dan Elektronik) di-Jabatan Pelajaran, Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Mempunyai Diploma atau Higher National Certificate dalam bidang Radio, TV dan Elektronik, atau kelulusan yang sebanding dengan-nya.

Sijil Perguruan.

Mempunyai pengalaman di-bidang indastari atau pengala-man mengajar sa-lama 10 tahun.

**Umor :**

Di-antara 30 dan 55 tahun.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji B. 2 — $1645-1709- 1772 - 1836 - 1900-1964-2027 - 2104 - 2180 - 2257 - 2333-2410 - 2486 - 2563 - 2639 - 2716. Gaji permulaan bergan-tong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

**Sharat2 Lantekan :**

Chalon2 yang bukan raayat Brunei akan di-tawarkan kon-trek tiga tahun dengan kadar baksis 25% daripada gaji sa-telah genap menamatkan tem-poh kontrek.

Mereka yang terdiri dari raayat Brunei akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-telah men-jalani satu tempoh perchubaan.

Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kem-balikan bersama2 dengan salin-an surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 22hb Disember, 1979.

(E/1290/79—Bil: 163/1979)


## Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad

## MEMPELAWA TAWARAN

SHARIKAT Minyak Shell Brunei Berhad mempelawa tawa-ran2 dari pemborong2 yang di-benarkan oleh Sharikat M.S.B. bagi :—

1) **KATEGORI 4 & 6 — TAWARAN NO. LEN/139—79**
Memasang saloran2 kebel di-sepanjang "2nd spray ring" tangki2 LNG. Ini termasok-lah memasang 1 keping "cold sensor" dan 2 keping tiub pelastik.

Bagi maklumat lebeh lanjut, lihat-lah Kenyataan2 Tawa-ran di-Papan2 Kenyataan Tawaran Sharikat M.S.B.

## Brunei Shell Petroleum Co., Ltd.

## INVITATION TO TENDER

BRUNEI Shell Petroleum Company Limited invites tenderers from B.S.P. approved contractors for :—

1) **Cat. 4 & 6 — TENDER NO. LEN/139—79**
Installation of cable channels along the 2nd spray ring of the LNG. This includes running of 1 length of cold sensor and 2 lengths of plastic tubing.

For further information please refer to Tender Notice on B.S.P. Tender Notice Boards.


## TENDER NOTICE

**EXECUTION AND COMPLETION OF PARTIALLY COMPLETED MAIN DRAIN AT BOLKIAH CAMP, BRUNEI**

1. TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Ground Floor, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei from PWD registered Class 'A' Con-tractors for the above works up to 12.00 noon, 20th November 1979 (Tuesday).

2. Tenders received after the stated time will be rejected.

3. Tenders must be submitted in sealed envelopes bearing no indication of the name of the tenderers and shall be marked clearly "EXECUTION AND COMPLETION OF PAR-TIALLY COMPLETED MAIN DRAIN AT BOLKIAH CAMP, BRUNEI".

4. Tender documents may be obtained from the office of M/s. Associated Consultants Private Limited, Chartered Engineers, Room 27-28, Hongkong Bank Chambers, Bandar Seri Bega-wan from 31st October 1979 during normal office hours.

5. The Tender Deposit will be B$1,000.00 (Brunei Dollars: One thousand) in the form of Bank Draft drawn in the name of the Government of Brunei.

The Tender Deposit will not be refunded to the success-ful tenderer, and the said de-posit will be paid to the Go-vernment to be credited to the relevant project Vote.

The Tender Deposit will be refunded to all unsuccessful tenderers who have submitted bona-fide tenders and who have return the tender drawings in satisfactory condition to the Engineers' office.

6. Prior to the issue of the tender documents, each ten-derer will be required to comp-ly with the following :—

i) produce documentary evidence that he is a PWD registered Class 'A' Contractor;

ii) produce documentary evidence that he has complied with the latest Government re-quirement in respect of Finan-cial Guarantee.

7. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## Di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan untok memenohi jawatan2 kosong sa-bagai Pega-wai2 Perubatan — Tugas2 'Am di-Jabatan Perubatan dan Kesi-hatan, Brunei.

**Kelayakan2 Yang Di-Perlukan:**

Kelulusan asas dalam bidang perubatan yang boleh di-terima untok di-daftarkan dengan Gen-eral Medical Council, United Kingdom.

**Kelayakan2 Tambahan Yang Di-Kehendaki, Jika Ada :**

Pengalaman postgraduate di-hospital. Pegawai Perubatan Wanita yang mempunyai pe-ngalaman hospital dalam bidang Obstetrics dan Gynaecology.

**Tugas2 :**

Sa-bagai Pegawai Perubatan untok di-tugaskan di-mana2 ba-hagian di-dalam Negeri Brunei pada bila2 masa di-arahkan oleh Pengarah Perkhidmatan2 Perubatan. Mereka di-kehen-daki menjalankan tugas2 ini dalam sebarang chawangan per-ubatan dan terutama-nya dalam bidang2 khas menurut kecheka-pan dan pengalaman mereka. Mereka mungkin juga di-kehen-daki bertugas di-Bahagian Pesa-kit Luar atau di-bawah arahan Pegawai2 Pakar. Pegawai2 Perubatan wanita mungkin di-tempatkan untok bertugas de-ngan pakar Obstetrics dan Gynaecology tetapi mungkin juga di-kehendaki melaksana-kankan tugas2 perubatan biasa. Semua Pegawai2 Perubatan di-wajibkan membuat tugas2 da-lam panggilan sa-lepas waktu bekerja biasa menurut giliran.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji M. 16— B$2359-2423-2486-2550 - 2614 - 2678-2741 - 2818 - 2894 - 2971 - 3047-3124-3200-3277. Gaji per-mulaan bergantong kapada ke-layakan2 dan pengalaman.

**Sharat2 Lantekan :**

Chalon2 yang bukan raayat Brunei akan di-tawarkan kon-trek tiga tahun dengan kadar baksis 25% daripada gaji sa-telah genap menamatkan tem-poh kontrek.

Mereka yang terdiri dari raayat Brunei akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-telah men-jalani satu tempoh perchubaan.

Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kena-kan di-Brunei.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kem-balikan bersama2 dengan salin-an surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 8hb Disember, 1979.

(E/743/56/Pt. 10 — Bil: 161/ 1979)

## JABATAN SETOR2 DAN PERBEKALAN NEGARA

### TAWARAN BIL. 43/79

### PENGANGKUTAN DAN PEMUNGGAHAN

TAWARAN2 akan di-terima oleh Pengerusi Lembaga Tawa-ran, Brunei di-Pejabat Pega-wai Kewangan Negara, Bandar Seri Begawan sa-hingga 12.00 tengah hari, hari Selasa, 27hb Nobember, 1979 untok:—

Mengadakan kenderaan (truck) dan buroh2 bagi mengang kut, memuat, me-munggah dan menyusun ba-rang2 kepunyaan Jabatan Setor dan Perbekalan Ne-gara, bagi tempoh sa-tahun dari 1hb Januari, 1980 hingga 31hb Disember, 1980.

Butir2 lanjut mengenai sha-rat2 tawaran serta Borang Tawa-ran boleh-lah di-perolehi dari Pejabat Setor2 dan Perbekalan Negara, Jalan Gadong, Brunei, dengan membayar wang cha-garan (deposit) sa-banyak $1,000.00.

## SA-BAGAI KERANI JURUBAHASA

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa untok memenohi jawa-tan kosong sa-bagai Kerani/ Jurubahasa di-Jabatan Keha-kiman, Brunei.

**Kelayakan2 :**

Pemohon2 mesti-lah lulus Sijil Persekolahan Brunei Cam-bridge G.C.E. "O" Level atau kelayakan2 yang sebanding dan mesti-lah benar2 faseh dalam sekurang2-nya tiga logat China, Melayu dan Inggeris.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji D. 3 EB. 4-5 — B$625-657-689-720-752-784 / EB / 854-880-905-931-956-982-1007-1046 - 1071 - 1097-1122. Gaji permulaan bergan-tong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

**Sharat2 Lantekan :**

Chalon2 yang bukan raayat Brunei akan di-tawarkan kon-trek tiga tahun dengan kadar baksis 25% daripada gaji sa-telah genap menamatkan tem-poh kontrek.

Mereka yang terdiri dari ra-ayat Brunei akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-telah genap menjalani satu tempoh per-chubaan.

Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar daalm dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 12hb Disem-ber, 1979.

(E/108/73 — Bil: 162/1979)

## TENDER NOTICE

**TENDER FOR SUPPLY, INSTALLATION AND COMMISSIONING OF DIESEL INJECTOR PUMP TESTER FOR FORCE WORKSHOP, BOLKIAH CAMP**

1. Tenders will be received by the Chairman, Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Ground Floor, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei from Class 'A' Contractors up to 12.00 noon, 20th November 1979 (Tuesday).

2. Tenders received after the stipulated time will be rejected.

3. Tenders must be submitted in sealed envelopes bearing no indication of the name of the tenderers and shall be marked clearly "TENDER FOR SUPPLY, INSTALLATION AND COMMISSIONING OF DIESEL INJECTOR PUMP TESTER FOR FORCE WORKSHOP, BOLKIAH CAMP".

4. Tender documents may be obtained from the office of M/s. Associated Consultants Private Limited, Chartered Engineers, Room 27-29, Hong-Kong Bank Chambers, Bandar Seri Begawan during normal office hours.

5. The Tender Deposit will be B$500.00 (Brunei Dollars: Five Hundred) in the form of Bank Draft drawn in the name of the Government of Brunei.

The Tender Deposit will not be refunded to the successful tenderer, and the said deposit will be paid to the Government to be credited to the relevant project Vote.

The Tender Deposit will be refunded to all unsuccessful tenderers who have submitted bona-fide tenders and who have return the tender dra-wings in satisfactory condition to the Engineers' Office.

6. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## Sa-bagai Penyelanggara Setor Tktn. II

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawa-tan kosong sa-bagai Penyeleng-gara Setor Tingkatan II di-Ja-batan Pasokan Bomba, Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Chalon2 untok lantekan ini mesti-lah berumor tidak kurang dari 17 tahun dan lulus sekurang2-nya Ting-katan III atau yang seban-dang dengan-nya.

b Keutamaan akan di-beri kapada chalon2 yang mem-punyai pengalaman dalam Penyeleggaraan Setor Ting-katan III.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji D. 2 EB 3-4 — $446-465-485-504-523-542-561 / EB / 625-657-689-720-752-784-854-880-905 - 931 - 956 - 982-1007.

Sa-seorang yang sedang ber-khidmat dengan Kerajaan hen-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hen-dak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kem-balikan bersama2 dengan sa-linan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 10hb Disem-ber, 1979.

(E/340/64 — Bil: 160/1979)

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## DI-JABATAN SETIA USAHA K'JAAN BAHAGIAN PENERANGAN

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Pejabat Setia Usaha Kerajaan di-Bahagian Penerangan, Brunei.

1. JURUTAYANG/ PEMANDU :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**
Lulus Sijil Rendah Pelajaran Brunei aliran Inggeris atau Melayu atau yang sebanding dengan-nya dan berumor tidak kurang 18 tahun. Keutamaan akan di-beri kapada pemohon2 yang mempunyai pengalaman dan kebolehan dalam kerja2 menjalankan mesin2 wayang gambar serta mempunyai lesen memandu kelas III sekurang2-nya sa-lama tiga tahun. Pemohon2 yang berjaya mesti-lah bersedia untok berkhidmat sa-chara menetap di-daerah Temburong atau Tutong.

**Gaji :**
Dalam sukatan gaji D. 1-2-3 EB.4-5—$370-383-395-408-421-434 - 446-465-485-504-523-542 - 561-625-657-689-720-752 - 784/ EB/ 854 - 880-905-931-956-982-1007-1046-1071-1097-1122.

2. JURU MESIN (MEKINIK) :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Pemohon2 mesti-lah berumor antara 18 dan 30 tahun dan tahu menulis dan membacha.

b) Pemohon2 mesti-lah mempunyai pengalaman dan kebolehan bagi memperbaiki enjin motor sangkut (outboard engine), Homelite generator, alat pembesar suara (public address system) dan kenderaan.

**Gaji :**
Dalam sukatan gaji E. 1-2-3 EB. 4 — $357-370-383-395-408-421-434-446-459-472-485 - 497-510-523 /EB/ 536-548-561-574-587-599.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 22hb Disember, 1979.

(E/223/75 — Bil : 167/1979)

## Sa-bagai Bilal Di-AMDB

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan kosong sa-bagai Bilal di-Askar Melayu Diraja Brunei.

Keutamaan akan di-beri kapada pemohon2 yang tinggal dalam kawasan yang berdekatan dengan Perkhemahan Berakas, Perkhemahan Bolkiah, Perkhemahan Muara atau Perkhemahan Tutong.

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Pemohon2 mesti-lah berumor di-antara 30 hingga 45 tahun dan mahir dalam membacha Al-Kor'an dan mengetahui ajaran2 Ugama Islam. Mereka mesti-lah bersedia menghadapi satu peperiksaan yang akan di-adakan oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama.

b) Mengetahui dan bersedia bagi menyempurnakan Fardzu Kipayah blia2 masa di-kehendaki.

**Gaji :**
Dalam sukatan gaji D. 1-2 EB. 3 — $370-383-395-408-421-434 - 446-465-485-504-523-542 - 561 /EB/ 625-657-689-720-752-784.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 27hb Disember, 1979.

(E/1659/77 — Bil : 169/1979)

## Sa-bagai Penguasa Trafik

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan untok memenohi jawatan kosong sa-bagai Penguasa Trafik di-Jabatan Talikom, Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Pemohon2 mesti-lah mempunyai sekurang2-nya 5 tahun pengalaman sa-bagai Penguasa Trafik Talikom, atau dalam jawatan yang sama, termasok-lah pengalaman dalam kerja2 meramalkan perkembangan pemasangan talipon dan tambahan bilangan panggilan talipon bagi tujuan2 peranchangan. Pengetahuan dalam kerja2 jualan dan perkhidmatan serta persediaan buku panduan talipon ada-lah sebaik2-nya di-perlukan.

**Gaji :**
Dalam sukatan gaji B. 1 — B$1033-1071-1109-1148-1186-1224-1326 - 1377 - 1428 - 1479 - 1530-1581 - 1645 - 1709 - 1772 - 1836-1900.

**Sharat2 Lantekan :**
Chalon2 yang bukan terdiri dari raayat Brunei akan di-tawarkan kontrek tiga tahun dengan kadar baksis 25% daripada gaji sa-telah genap menamatkan tempoh kontrek

Mereka yang terdiri dari raayat Brunei akan di-lantek ka-jawatan tetap setelah menjalani satu tempoh perchubaan.

Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 24hb Disember, 1979.

(E/842/78 — Bil : 168/1979)

## PUBLIC WORKS DEPT. TENDER NOTICES

### No. 168 OF 1979

TENDERS will be received from Class "A" only P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 13th November, 1979 for :—

CONSTRUCTION OF PHASE V 5 BLOCKS CLASS "F" JUNIOR FLATS NOS. 26 TO 30 AT OLD AIRPORT ROAD, BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the Office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 172 OF 1979

TENDERS will be received from Class "C" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 20th November, 1979 for :—

SUPPLY OF IRONING BOARDS FOR A PERIOD OF ONE YEAR.

Tender documents and all particulars may be seen at the Office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 173 OF 1979

TENDERS will be received from Suitably Qualified Contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 4th December, 1979 for :—

PROPOSED 500 PERSONS PACKAGED SEWAGE TREATMENT PLANT FOR SEKOLAH MELAYU SENGKARAI, TUTONG, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the Office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 174 OF 1979

TENDERS will be received from Class "AX" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 13th November, 1979 for :—

CONSTRUCTION AND COMPLETION OF 2 Nos. R.C. BRIDGES ACROSS SUNGAI TANAM AND ACROSS SUNGAI TANIT AT KAMPONG MENENGAH TEMBURONG.

Tender documents and all particulars may be seen at the Office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 175 OF 1979

TENDERS will be received from Class "C" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 20th November, 1979 for :—

SUPPLY OF 1 No. LOCALLY CONSTRUCTED SPEED BOAT FOR P.W.D. WATER SECTION, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the Office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

## STATE STORES AND SUPPLIES DEPT.

### TENDER NOTICE No. 44/79 MARINE CARGO INSURANCE FOR GOVT RICE SHIPMENT FOR YEAR 1980

1. TENDERS will be received by the Chairman Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Bandar Seri Begawan up to 12.00 noon on Tuesday 27th November, 1979 for abovementioned.

2. Details regarding requirements for the Insurance cover are obtainable from the office of the Controller of Government Stores, State Stores and Suppliers Department, Jalan Gadong, Brunei.

## PEMBERITAHUAN TAWARAN

1. TAWARAN ada-lah di-jemput untok memohoni Canteen di-Bangunan Pejabat2 Kerajaan Belait, Kuala Belait.

2. Canteen ini mempunyai alat perkakas kerusi dan meja.

3. Orang lain atau beraleh tangan kapada sa-seorang ada-lah tidak di-benarkan untok menjalankan jualan ini, kechuali daripada pemohon yang berjaya itu sendiri.

4. Bayaran sewa untok tempoh 6 bulan hendak-lah terlebeh dahulu di-jelaskan sa-belum kebenaran di-beri untok memulakan penjualan di-Canteen tersebut.

5. Canteen ini hanya di-hakikatkan kapada kakitangan Kerajaan dan tidak terbuka kapada orang2 awam, kechuali saperti sharat2 yang tersebut di-bawah ini:—

i. Pada orang2 yang mempunyai urusan dengan Kerajaan dalam masa pejabat di-buka.

ii. Kaum pekerja yang berkhidmat dengan Kerajaan.

6. Canteen ini hanya di-buka dari jam 7.00 pagi hingga 5.00 petang.

7. Permohonan yang berjaya mesti-lah mempunyai chukop pekerja2 pelayan untok menjayakan canteen ini.

8. Pemborong ada-lah di-kehendaki mengadakan jualan minuman2 ringan dan makanan. Minuman dan makanan yang di-tegah oleh Ugama Islam tidak boleh di-jual di-canteen ini.

9. Permohonan yang berjaya hendak-lah bertanggong jawab atas bayaran gas sahaja. Bayaran lampu dan ayer tidak di-kenakan, tetapi walau bagaimana pun apabila menggunakan lampu dan ayer hendak-lah dengan chermat.

10. Pemohon yang berjaya akan di-beri kebenaran berniaga di-canteen sa-lama 6 bulan dari mula di-nya menjalankan penjualan-nya. Dan juga di-kehendaki untok memenohi permintaan dan arahan dari masa ka-masa yang di-beri oleh Pegawai Daerah Belait berhubong dengan menjayakan canteen tersebut.

11. Kerja yang di-tawarkan mesti-lah di-sebutkan dengan terang di-atas sampul surat dan perkataan "CANTEEN DI-BANGUNAN PEJABAT2 KERAJAAN BELAIT" dan sampul surat itu mesti-lah di-alamatkan kapada Pengerusi Lembaga Tawaran di-Jabatan Pegawai Kewangan Negara, Tingkat Bawah, Bangunan Pejabat2 Kerajaan Bandar Seri Begawan, Brunei sa-hingga jam 4.00 petang pada 30hb Nobember, 1979.

12. Tawaran2 yang di-terima sa-sudah waktu ini akan di-tolak.

13. Tawaran2 yang di-terima dalam sampul2 surat yang tidak di-alamatkan dengan betul akan di-tolak.

14. Kerajaan tidak terikat untok menerima tawaran yang sehabis rendah sekali atau sebarang tawaran dan pertimbangan akan di-beri kapada si-pemohon yang di-fikir mempunyai perkhidmatan yang berkelayakan. Maka oleh itu ada-lah mustahak-nya bagi pemohon menyatakan pengalaman-nya untok menjayakan urusan canteen tersebut.

## TENDER NOTICE

### RETENDER FOR ELECTRICAL INSTALLATION FOR PROPOSED SEKOLAH MENENGAH AT SUNGAI KEBUN, BRUNEI

1. TENDERS will be received by the Chairman of the Tenders Board at the Office of the State Financial Officer, Government Offices, Bandar Seri Begawan, Brunei from Class 'A' Electrical Contractors up to 12.00 noon, 27th November 1979.

2. Tenders received after the stipulated time will be rejected.

3. Tenders must be submitted in sealed envelopes bearing no indication of the name of the tenderers and shall be marked clearly "RETENDER FOR ELECTRICAL INSTALLATION FOR PROPOSED SEKOLAH MENENGAH AT SUNGAI KEBUN, BRUNEI".

4. Tender documents may be obtained from the office of M/s. Brisma International Consultants, Room 15, Hongkong Bank Chambers, Bandar Seri Begawan from 7th November 1979 onwards during normal office hours.

5. The tender deposit shall be B$500.00 (Brunei Dollars Five Hundred Only) in the form of Bank Draft drawn in the name of the Government of Brunei. The tender deposit will not be refunded to the successful tenderer and shall be paid to the Government.

The tender deposit shall be returned to all unsuccessful tenderer who have submitted bonafide tenders and who have return the tender drawing in satisfactory condition to the Engineer's Office.

6. Prior to the issue of tender document, each tenderer will be required to produce documentary evidence that he is a Class 'A' Electrical Contractor.

7. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## STATE STORES AND SUPPLIES DEPARTMENT TENDER NOTICE No. 40/79

TENDERS are invited from "BONA FIDE" suppliers/agents for the supply of:

4000 METRIC TONNES REFINED GRANULATED CANE WHITE SUGAR, COARSE GRAIN.

Tender documents may be obtained from the office of the Controller of Government Stores, State Stores and Supplier Department, Jalan Gadong on payment of a tender deposit of B$1,000.00. This deposit will be refunded in full to the unsuccessful tenderers after the award of the tender is known.

Tender closes by 12.00 noon on Tuesday, 27th November, 1979.

## MEDICAL AND HEALTH DEPARTMENT TENDER NOTICES

TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board, at the office of the State Financial Officer, Ground Floor of the Government Offices, Bandar Seri Begawan up to 4.00 p.m. on Monday 19th November, 1979 for the :—

A) "SUPPLY OF UNIFORMS FOR THE STAFF OF MEDICAL AND HEALTH DEPARTMENT, BANDAR SERI BEGAWAN, TUTONG AND TEMBURONG."

B) "SUPPLY OF UNIFORMS FOR THE STAFF OF MEDICAL AND HEALTH DEPARTMENT, KUALA BELAIT

2. The tenders shall include the supply of materials and tailoring from 1st January, 1980 to 31st December, 1980 and are invited to quote per piece of the uniform concerned as listed in forms which can be obtained from the Accounts Section, Medical Headquarters and from Administration Section of Suri Seri Begawan Hospital, Kuala Belait.

3. The teteron-cotton material must contain not less than 65% polyester. However samples of materials to be used are available from the Chief Administrator, General Hospital, Bandar Seri Begawan from whom further details and information may also be obtained.

4. The contract may be terminated by either party giving one month's notice in writing.

5. Tenders must be placed in plain sealed envelope on the face of which should be written "TENDER FOR STAFF UNIFORM MEDICAL AND HEALTH DEPARTMENT". There must be no indication on the cover of the name of the tenderer.

6. Tenders deposit will be $200.00.

7. The Government does not bind itself to accept the lowest or any tender.

TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board, at the office of the State Financial Officer, Ground Floor of the Government Offices, Bandar Seri Begawan up to 4.00 p.m. on Monday 19th November, 1979 for the supply of "INSECTICIDES FOR HEALTH DEPARTMENT, BRUNEI". Tenders received after this time will be rejected.

2. Tenders are invited for the supply of the following insecticides for the year 1980 :—

ITEM
1. RESLIN 10/10
2. DURSBAN CONCENTRATE

3. It is important that the insecticides must confirm with W.H.O. specification and supplied in good condition.

4. Tender will include delivery to the Health Store, Mile 4½, Jalan Simpang Muara, Brunei.

5. It will be necessary that deliveries should be made within 3 weeks after a firm order is made.

6. The contract may be terminated by either party giving one month's notice in writing.

7. Tenders must be placed in plain sealed envelope on the face of which should be written "SUPPLY OF INSECTICIDES FOR HEALTH DEPARTMENT, BRUNEI". There must be no indication on the cover of the name of the tenderer.

8. Tender deposit will be $500.00.

9. Tender form may be obtained from Accounts Section, Medical Headquarters, Bandar Seri Begawan, Brunei.

10. Government does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## SUCCESSFUL TENDERS

1. Supply of Noritake crockery — Messrs Union Trading Co.
2. Supply of steel pipes and specials (No. 33/79) — Messrs Boon & Cheah Steel Pipes Sdn Bhd — M$68,333.00 CIF Muara
3. Electrical installation at Limau Manis Rice Project — Messrs Ting Sii King Elec Co — $79,234.
4. Supply of vehicles to Ports Department — Hargill Spore Pte Ltd — two units Mitsubishi Forlifts — $73,908 CIF Muara.
5. Rice Mill, Jerudong Park — Messrs Cheng Kong Elec Co — $104,999.
6. Proposed two classrooms Education Centre, Bolkiah Camp — Messrs Ng & Tam Co — $263,699.00 with 4½ months completion time.



DATO Setia Sir Geoffery Briggs ketika mengangkat sumpah jawatan selaku Yang Dipertua Mahkamah Rayuan di-hadapan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei dalam satu Istiadat yang berlangsong di-Istana Darul Hana pada hari Isnin lalu — Berita di-muka 1.

# KEPUTUSAN PERADUAN MENULIS ARTIKEL DAN MENGARANG CHERITA

BANDAR SERI BEGAWAN. — Peraduan Menulis Artikel dan Mengarang Cherita yang di-anjorkan sempena Sambutan Tahun Hijrah 1400 telah selesai di-hakimkan.

Sa-banyak 15 buah karangan untok Peraduan Mengarang Cherita dan 16 buah karangan untok Peraduan Menulis Artikel telah di-terima. Walau pun jawatankuasa telah menerima sa-jumlah 15 karangan untok Peraduan Mengarang, tetapi chuma tiga karangan sahaja yang memenohi sharat dan peratoran dan layak di-hakimkan.

Pemenang pertama dalam bahagian Menulis Artikel telah di-menangi oleh Awg Morsidi bin Muhammad, Sekolah Menengah SMJA, Bandar Seri Begawan dengan tajok artikel-nya "Hamka dan Sumbangan-nya Terhadap Islam".

Awang bin Ahmad, Dewan Bahasa dan Pustaka dengan tajok artikel-nya "Muhammad Abduh Tokoh Reformasi Islam" memenangi hadiah kedua manakala hadiah ketiga pula di-menangi oleh Awang Md Shahri bin POKJ Awang Haji Md Hussin, Dewan Bahasa dan Pustaka dengan tajok artikel-nya "Di-atas Puing Keruntohan Mekar-lah Kehidupan Baru".

Pemenang hadiah pertama dalam bahagian ini akan menerima wang tunai sa-banyak $250.00; kedua, $200.00 dan hadiah ketiga sa-banyak $150.00.

Lima hadiah penghargaan yang masing2 bernilai $75.00 telah di-menangi oleh Awang Majid bin Abdul Rahman, Peti Surat 2075, Bandar Seri Begawan dengan tajok-nya "Omar Ali Saifuddin"; Dayang Masnah binte Eadie, Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait dengan tajok artikel-nya "Muawiyah Abu Sufian Ahli Siasah Yang Terkemuka Di-Zaman Umayyah"; Awang Nayan bin Muhammad, Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei dengan tajok artikel-nya "Sumbangan Al-Ghazali Kapada Dunia Islam Tentang Ilmu"; Awang Mohd Salleh bin Abdul Latif, Jabatan Imigeresen, Bandar Seri Begawan dengan tajok artikel-nya "Ibnu Batuta" dan Awang Jahri bin Abdul Latif, 22 Kampong Serdang Kampong Kota Batu, Brunei dengan artikel-nya "Nabi Muhamamd s.a.w.: Juru Da'awah dan Menjadi Panduan Umat Islam."

Hadiah pertama dalam bahagian Mengarang Cherita telah di-menangi oleh Awang Mohd Salleh bin Abdul Latif, Jabatan Imigeresen Bandar Seri Begawan dengan tajok cherita-nya "Sa-utas Rantai Emas" dan menerima wang tunai sa-banyak $200.00.

Awang Morsidi bin Muhammad, Sekolah Menengah SMJA, Bandar Seri Begawan dengan tajok cherita-nya "Said bin Juba'ir" memenangi hadiah kedua dan menerima wang tunai sa-banyak $150.00 sementara hadiah ketiga pula di-menangi oleh Awang Md Shahri bin POKJ Haji Md Hussin, Dewan Bahasa dan Pustaka dengan tajok cherita-nya "Anak Durhaka" dan akan menerima wang tunai sa-banyak $100.00.

Tidak ada hadiah penghargaan yang di-berikan untok Peraduan Mengarang Cherita ini.

Penyampaian hadiah kapada pemenang2 dalam peraduan2 ini serta kapada pemenang2 Peraduan Menulis Skerip Drama Radio dan TV yang di-umumkan tidak lama dulu akan di-adakan di-Balai Pameran pada hari Sabtu 1hb Disember, 1979.



Awang Morsidi bin Muhammad



Awang Mohd Salleh Abdul Latif

## Perubahan waktu melawat

BANDAR SERI BEGAWAN. — Waktu melawat ka-Akurium Hassanal Bolkiah telah di-ubah mulai semalam, 6hb Nobember.

Akurium tersebut mulai hari itu di-buka untok lawatan orang ramai dari jam 9.00 pagi hingga 12.00 tengah hari dan dari jam 1.15 petang hingga 7.00 malam pada tiap2 hari kechuali hari Isnin.

Akurium tersebut akan terus di-tutop pada tiap2 hari Isnin untok tujuan pemeliharaan, dan pada hari2 kelepasan awam. Tetapi bagaimana pun akurium tersebut di-buka pada tiap2 hari Jumaat dan Ahad.

## *Perkampongan Puisi dpt sambutan hangat*

PEKAN MUARA. — Lebeh daripada 100 orang peminat2 penulis2 sastera tanah ayer telah menyertai Perkampongan Puisi yang telah di-adakan di-Pantai Muara di-sini pada hari Ahad 4hb Nobember yang lalu.

Perkampongan tersebut telah di-rasmikan oleh Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka Awang Mahmud bin Haji Bakyr.

Perkampongan yang julong-julong kali-nya di-adakan di-Brunei itu telah di-kelolakan oleh Persatuan Asterawani Brunei yang mana majlis pada pagi itu dimulakan dengan uchapan alu2an oleh Ketua Persatuan tersebut, Pg Badaruddin bin Pengiran Ghani.

Thema Perkampongan itu ia-lah "Ka-arah Menghayati Puisi".

Berbagai2 achara telah di-jalankan antara-nya termasok-lah mendiklamasikan koleksi sajak-sajak Darussalam, persembahan Diang Dangan dan Dundang dari Awang Abd Rahman bin Sudin dan persembahan Pintomen yang bertajok "Satu Sembilan Lapan Tiga".

Perkampongan pada pagi itu juga telah di-sertai oleh Persatuan2 dari Anak Seni, Kota Kinabalu Sabah, Persatuan Gapena dan Persatuan Gapura dari Kuala Lumpur, yang di-undang khas oleh ASTERAWANI.

Di-samping itu ahli2 Persatuan Asterawani juga telah berkesempatan mengadakan ramah mesra serta berdialog dan berbinchang mengenai puisi2 lama antara yang mereka kunjongi termasok-lah ka-rumah Yang Berhormat Setia Usaha Kerajaan, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Dato Haji Mohd Yusof bin Pengiran Haji Abd Rahim dan ka-rumah Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Laila Wangsa Dato Paduka Awg Salleh bin Haji Masri serta rumah Ustaz Haji Badaruddin bin Pengarah Haji Othman.

## Sebab2 perbahasan di-galakkan

Dari muka 1

Di-sekolah atau maktab, kata-nya lagi, perbahasan merupakan amalan yang di-galakkan dan perbahasan yang merupakan peraduan bukan-lah bertujuan untok mengambil kata sa-pakat tetapi yang penting ia-lah hujjah2 yang di-uchapkan mesti tersusun, menyakinkan dan dapat mematahkan hujjah2 pehak lawan.

Ada dua sebab mengapa penuntut2 di-galakan untok mengambil bahagian dalam perbahasan ujar Awg Mahmud, pertama untok melateh dan mendidek *"petah berchakap"* dan kedua *"chekap mengeluarkan pendapat atau fikiran"*.

Bagaimana pun jelas-nya, sa-takat petah berchakap sahaja tidak-lah menchukopi kalau ia-nya ibarat gendang perang tetapi kosong dan tidak juga memadai chuma chekap meluahkan pendapat kalau pendapat itu keluar dari kochakan emosi yang tidak di-kawal oleh fikiran.

Dalam perbahasan yang telah di-langsongkan di-Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan pada hari Selasa, 30hb Oktober itu, Awg Mahmud sa-terus-nya menjelaskan, matalamat di-sa-balek galakan mengadakan perbahasan ia-lah latehan berfikir sa-chara mendalam.

"Kita semua inginkan kemajuan tetapi meranchang sa-suatu projek kemajuan itu memerlukan golongan pemikir, golongan yang dapat menghuraikan kekusutan masaalah2 sosial, golongan masharakat burong tiong hanya pandai meniru perkara2 yang di-buat oleh orang lain tetapi tidak berupaya membuat sa-suatu yang original, tetapi masharakat manusia bukan-lah masharakat burong tiong", kata-nya.

Mengenai perbahasan hari itu Awg Mahmud berharap ia-nya akan dapat menimbulkan intellectual curiosity di-kalangan murid2 dan pelajar2.

## PERLU UBAH SIKAP

Dari muka 1

kan sekolah.

Kapada penuntut2 yang merupakan penageh dadah, kaki botol dan yang suka menyibarkan kemerosotan moral Dato Awang Haji Ahmad memberi amaran agar mengubah sikap dan meninggalkan-nya demi untok menchari pendirian dan kemuliaan dalam masharakat.

Beliau mengingatkan, bahawa Pusat Latehan Teknikal di-tubohkan bukan-nya samata-mata untok melateh pelajar2 menjadi teknishen atau kerafmen sahaja malah ia-nya bertujuan untok melateh mereka berdisiplin, berdikari dan berugama sa-bagai raayat yang berguna.

Tetapi, ujar-nya, rumput yang di-tanam, lalang pula yang tumboh, sebab itu insiden2 yang kontrovesi yang merupakan penyakit sosial dan moral yang di-ketengahkan oleh sa-golongan kechil sering menjadi beban dan persoalan hidup sa-harian.

Ini tegas Dato Awang Haji Ahmad, di-lakukan pada perengkat permulaan-nya sabagai perchubaan dan kemudian menjadi kegemaran dan akhir-nya ketularan.

"Bak kata pepatah, disebabkan sa-ekor kerbau membawa lumpor semua-nya terpalit, justeru itu penuntut2 kadangkala di-samakan dengan binatang2 hina atau di-ketepikan jauh2 dan di-pandang rendah", jelas beliau.

Dalam hal ini kata-nya lagi, ibu-bapa dan guru tidak patut di-salahkan kerana mereka bukan-lah orang2 yang terdiri dari golongan rendah akhlak-nya.

Beliau seterus-nya menambah, kerajaan yang menawarkan biasiswa baru kapada penuntut2 teknikal ada-lah di-lakukan kerana pelajaran teknikal memainkan peranan penting dalam arus pembangunan dan perubahan2 teknoloji.



**YANG Berhormat Setia Usaha Kerajaan, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz telah membuka rasmi surau baru bagi Kampong Serdang di-sini pada hari Jumaat 2hb Nobember yang lalu (gambar kiri).**

**Perasmian surau baru itu juga telah di-selajurkan dengan sambutan Hari Raya Aidil Adha di-Kampong berkenaan.**

**Surau baru itu menelan belanja kira2 $17,000 yang mana pembenaan-nya telah di-mulakan sejak tahun lalu.**

**Terdahulu sa-belum itu berbagai2 achara telah di-jalankan antara-nya termasok-lah uchapan2 dari pengerusi sambutan Awang Haji Abdul Saman bin Kahar, Pemangku Pegawai Daerah Brunei dan Muara Awang Haji Yahya bin Haji Harris serta pemangku kadzi daerah Brunei dan Muara.**

**Lebeh daripada 200 orang pendudok dan jemputan khas telah menghadhiri majlis tersebut.**

DI-TERBITKAN OLEH BAHAGIAN PENERANGAN, JABATAN SETIA USAHA KERAJAAN DAN DI-CHETAK OLEH JABATAN PERCHETAKAN KERAJAAN BRUNEI.